

ASPEK SOSIOBUDAYA YANG TERDAPAT DALAM  
NOVEL *TENGGELAMNYA KAPAL VAN DER WIJCK*  
KARYA HAMKA MENGGUNAKAN TEORI  
SOSIOLOGI

DORA ANAK KABIT

UNIVERSITI  
—  
MALAYSIA  
—  
KELANTAN  
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

2023



ASPEK SOSIOBUDAYA YANG TERDAPAT DALAM NOVEL  
*TENGGELAMNYA KAPAL VAN DER WIJCK* KARYA HAMKA

MENGGUNAKAN TEORI SOSIOLOGI

DORA ANAK KABIT

C19B0092

Tesis Ini Dikemukakan Sebagai Memenuhi Keperluan Untuk Ijazah  
Sarjana Muda Pengajian Warian Dengan Kepujian

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

FAKULTI TEKNOLOGI KREATIF DAN WARISAN

UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

FEBRUARI 2023

## PENGESAHAN TESIS

Saya dengan ini mengesahkan bahawa kerja yang terkandung dalam tesis ini adalah hasil penyelidikan yang asli dan tidak pernah dikemukakan untuk ijazah tinggi kepadamana-mana universiti atau institusi.

- |                                     |         |  |
|-------------------------------------|---------|--|
| <input checked="" type="checkbox"/> | TERBUKA | Saya bersetuju bahawa tesis boleh didapati sebagai naskhah keras atau akses terbuka dalam talian (teks penuh)  |
| <input type="checkbox"/>            | SEKATAN | Saya bersetuju bahawa tesis ini boleh didapati sebagai naskhah keras atau dalam teks (teks penuh) bagi tempoh yang diluluskan oleh Jawatankuasa Pengajian Siswazah |
| Dari tarikh..... sehingga.....      |         |  |
| <input type="checkbox"/>            | SULIT   | (Mengandungi maklumat sulit di bawah Akta Rahsia Rasmi 1972)   |
| <input type="checkbox"/>            | TERHAD  | (Mengandungi maklumat terhad yang ditetapkan oleh organisasi di mana penyelidikan dijalankan)  |

Saya mengakui bahawa Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak berikut. Tesis adalah milik Universiti Malaysia Kelantan. Perpustakaan Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak untuk membuat salinan untuk tujuan pengajaran sahaja. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajaran.

*Dorakabit*

---

Tandatangan Pelajar

Nama: Dora Anak Kabit  
No. Kad Pengenalan: 980628135602  
Tarikh: 20 Februari 2023

---

Tandatangan Penyelia

*Sudirman*  
Nama Penyelia: En. Sudirman Bin Kiffl  
Tarikh: 20 Februari 2023

## PENGHARGAAN

Syukur kepada Tuhan kerana dengan limpah dan kurniaNya saya dapat menyiapkan Projek Penyelidikan yang telah diberikan. Terutama sekali saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Universiti Malaysia Kelantan kerana memberi peluang kepada saya dalam menghasilkan tugas Projek Penyelidikan ini dengan menyediakan kemudahan seperti perpustakaan bagi memudahkan kami untuk mendapatkan bahan rujukan yang berkaitan dengan tajuk tugas kami.

Saya juga mengucapkan terima kasih kepada Encik Sudirman Bin Kifflie selaku penyelaras PP1 dan PP2 kerana telah banyak memberi tunjuk ajar serta penerangan yang sempurna kepada saya dari awal lagi sejak tugas mula diberikan sehingga dalam proses menyiapkan tugas ini dengan jayanya. Selain itu, saya juga mengucapkan terima kasih kepada semua pensyarah kerana telah berkongsi ilmu kepada saya sepanjang pengajian saya di UMK.

Seterusnya, saya juga amat berterima kasih kepada kedua ibu bapa saya yang telah banyak memberikan sokongan dan dorongan terutamanya dari aspek kewangan dalam menyiapkan projek ini. Tidak lupa juga kepada rakan-rakan seperjuangan yang turut membantu dengan perbincangan serta pendapat yang dikongsi bersama.

Akhir sekali, harapan saya agar projek yang dihasilkan ini dapat menambahkan ilmu pengetahuan saya. Selain itu juga, harapan saya agar dapat memberi manfaat kepada diri saya sendiri serta kepada pengkaji akan datang agar dapat dijadikan sebagai panduan di samping menyampaikan maklumat

bukan sahaja dalam proses pembelajaran malah kepada masyarakat setempat khususnya.

Sekian, terima kasih.

Dora Anak Kabit  
Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan  
Universiti Malaysia Kelantan  
19 Februari 2023

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

**ISI KANDUNGAN**

<b>PERKARA</b>	<b>MUKA SURAT</b>
<b>PENGHARGAAN</b>	i
<b>ISI KANDUNGAN</b>	iii
<b>SENARAI JADUAL</b>	66
<b>SENARAI RAJAH</b>	27
<b>SENARAI GAMBAR</b>	25
<b>ABSTRAK</b>	v
<b>ABSTRACT</b>	vi
<b>BAB 1: PENDAHULUAN</b>	
1.0 Pengenalan	1
1.1 Latar Belakang Kajian	4
1.2 Permasalahan Kajian	7
1.3 Persoalan Kajian	9
1.4 Objektif Kajian	10
1.5 Skop dan Batasan Kajian	10
1.6 Kepentingan Kajian	12
1.7 Organisasi Kajian	14
<b>BAB 2: SOROTAN KAJIAN LEPAS</b>	
2.0 Pengenalan	17
2.1 Kajian Tentang Aspek Sosiobudaya	17
2.2 Kajian Tentang Teori Sosiologi	19
2.3 Kajian Tentang Novel dan Penulis	21
<b>BAB 3: METODOLOGI KAJIAN</b>	
3.0 Pengenalan	24

3.1 Kaedah Kepustakaan	24
3.2 Kaedah Menganalisis Teks	25
3.3 Rujukan Sumber Internet	26
3.4 Kerangka Teori	26
<b>BAB 4: DAPATAN KAJIAN</b>	
4.0 Pengenalan	24
4.1 Analisis Dapatan Kajian	31
4.1.1 Kepercayaan Terhadap Perkara Takhyul	31
4.1.2 Aspek Keagamaan Di Dalam Novel	34
<i>TKVDW</i>	
4.1.3 Adat Dan Tradisi Sesebuah Masyarakat	39
Di Dalam Novel <i>TKVDW</i>	
4.1.4 Gaya Hidup Masyarakat Di Dalam Novel	49
<i>TKVDW</i>	
4.1.5 Jenis Bahasa Yang Digunakan Di Dalam	65
Novel <i>TKVDW</i>	
<b>BAB 5: RUMUSAN DAN CADANGAN</b>	
5.0 Pengenalan	70
5.1 Rumusan	71
5.2 Cadangan	75
5.3 Penutup	78
<b>RUJUKAN</b>	79

**ASPEK SOSIOBUDAYA YANG TERDAPAT DALAM NOVEL  
*TENGGELAMNYA KAPAL VAN DER WIJCK* KARYA HAMKA  
MENGGUNAKAN TEORI SOSIOLOGI**

**ABSTRAK**

Sosiobudaya adalah sebuah aspek yang merujuk kepada segala perihal yang mempunyai kaitan dengan masyarakat dimana segala aktiviti kebudayaan yang mereka jalankan adalah berdasarkan sifat mereka yang cintakan kesenian, nilai moral, kepercayaan, adat resam dan sebagainya dalam meransang pembangunan insaniah masyarakat tersebut. Kajian ini juga menunjukkan nilai budaya dalam kehidupan masyarakat berdasarkan novel *Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck* karya Hamka (2015) yang menceritakan sebuah percintaan antara dua derajat selain menunjukkan konflik-konflik yang berlaku di dalam novel. Oleh itu, pengaplikasian pendekatan Teori Sosiologi bertujuan untuk membincangkan konfrontasi dan pertikaian yang berlaku dalam masyarakat sebagai sumber inspirasi dan ilham pengkaji yang bertujuan untuk mencerminkan segala kejadian yang telah berlaku dalam novel. Kajian ini memfokuskan kepada aspek sosiobudaya dari segi kepercayaan, keagamaan, adat dan tradisi, gaya hidup masyarakat dan jenis bahasa yang terkandung dalam novel TKVDW dengan menggunakan kaedah rekabentuk kualitatif. Jelaslah segala perilaku atau aktiviti masyarakat dapat dibincangkan melalui aspek-aspek sosiobudaya dengan merungkai segala konflik yang terdapat di dalam novel di samping memberikan ilmu pengetahuan kepada khalayak.

**Kata Kunci:** Sosiobudaya, Teori Sosiologi, Kepercayaan, Keagamaan, Gaya Hidup Masyarakat, Bahasa

UNIVERSITI  
—  
MALAYSIA  
—  
KELANTAN

## SOCIO-CULTURAL ASPECTS FOUND IN NOVEL TENGGELAMNYA KAPAL VAN DER WIJCK BY HAMKA USING SOCIOLOGICAL THEORY

### ABSTRACT

*Socio-cultural is an aspect that refers to everything related to the community where all the cultural activities they carry out are based on the nature of those who love art, moral values, beliefs, customs and so on in stimulating the social development of the community. This study also shows the value of culture in community life based on Novel Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck karya Hamka (2015) which tells a romance between two lovers in addition to show the conflicts that occur in the novel. Therefore, the application of the Sociological Theory approach aims to discuss the confrontations and disputes that occur in society as a source of inspiration for researchers who aim to reflect all the events that have happened in the novel. This study focuses on socio-cultural aspects in terms of belief, religion, custom and traditions, community lifestyle and the type of language contained in the TKVDW novel by using a qualitative design method. It is clear that all the behavior or activities of society can be discussed through socio-cultural aspects by unraveling all the conflicts found in the novel in addition to providing knowledge to the audience.*

**Keywords:** Sociocultural, Sociological Theory, Beliefs, Religion, Society Lifestyle, Language

UNIVERSITI  
—  
MALAYSIA  
—  
KELANTAN

## BAB 1

### PENDAHULUAN

#### 1.0 Pengenalan

Kesusasteraan adalah sebuah bidang dimana bidang ini semakin dikenali dalam kalangan masyarakat kini seiring dengan arus pemodenan. Sastera adalah sebuah perkataan yang bermaksud kitab suci manakala kesusasteraan pula merujuk kepada sesebuah karya sastera yang harus dimartabatkan serta disampaikan melalui tulisan atau pembacaan. Ciri-ciri yang terdapat dalam bidang kesusasteraan adalah sebuah aspek yang merujuk kepada estetika dan kesempurnaan sebuah karya yang telah dihasilkan oleh penulis berdasarkan perasaan, sesuatu yang berlaku di sekeliling mereka serta emosi penulis. Sastera juga tergolong dalam bidang seni kreatif dan menjadikan bahasa sebagai medium pengantarnya dimana karya sastera semakin berkembang seiring peredaran masa. Sesebuah karya sastera biasanya mengandungi pengajaran atau mesej-mesej penting oleh kerana pengarang meletakkan hati dan fikiran mereka semasa berkarya sehingga terciptalah sebuah karya penulisan yang mampu menarik perhatian pembaca. Hal ini telah disokong oleh Syed Ali Ashraf (1989) yang berpendapat bahawa sastera merupakan satu ilmu yang pelbagai serta merujuk kepada sebuah kesenian dalam ilmu pengetahuan melalui perilaku sesetengah manusia yang bersifat kreatif.

Dalam konteks ini, antara genre yang semakin diminati dan seringkali dijadikan bahan kajian adalah novel. Novel dapat didefinisikan sebagai fiksyen yang menampilkan watak, plot, latar, peristiwa dan sudut pandangan secara tersusun. Sebuah novel lazimnya akan memaparkan pertikaian, ketegangan dan konflik yang biasanya mempunyai perleraian pada akhir cerita. Novel juga

merupakan sebuah cerita yang sangat panjang dan setiap novel yang dihasilkan semestinya mempunyai lebih daripada 5000 patah perkataan. Novel terbahagi kepada beberapa jenis iaitu novel sains fiksyen, seram, kisah cinta dan sebagainya manakala novel yang biasa diperolehi di pasaran adalah dalam kategori dewasa atau kanak-kanak. Dalam pada itu, tajuk penyelidikan yang dilaksanakan adalah berkaitan dengan aspek sosiobudaya yang terdapat dalam novel *Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck* karya Hamka menggunakan Teori Sosiologi.

Menurut Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka (2017), sosiobudaya merupakan hubungan kemasyarakatan melalui budaya yang merujuk kepada gaya hidup, adat serta tradisi, kepercayaan, aspek dan sebagainya. Istilah umum bagi aspek sosiobudaya adalah sesuatu yang merangkumi tingkah laku dan norma sosial yang terdapat dalam masyarakat manusia serta pengetahuan, kepercayaan, kesenian, undang-undang, adat resam, keupayaan dan tabiat individu dalam kumpulan ini. Unsur utama bagi budaya ialah simbol, bahasa, norma, nilai dan artifak. Bahasa dalam aspek budaya memungkinkan interaksi sosial yang berkesan dan dapat mempengaruhi cara orang memahami konsep dan objek. Budaya juga merupakan gaya hidup yang sentiasa mempunyai perkembangan dan menjadi milik bersama oleh segelintir masyarakat yang pastinya akan diwarisi oleh generasi akan datang. Aspek sosiobudaya ini seringkali dipengaruhi oleh masyarakat, persekitaran, agama dan masa. Dari segi masyarakat, pernyataan ini merujuk kepada rutin harian yang dilakukan oleh mereka seperti makan, makanan yang dimakan, aktiviti harian yang dilakukan serta cara-cara untuk melakukannya. Selain itu, persekitaran juga dikaitkan dengan keadaan muka bumi, cuaca yang dialami, tempat serta peralatan yang

digunakan. Dari segi agama pula, aspek budaya merujuk kepada kepercayaan, amalan, perlaksanaan sebagai setiap masyarakat dan peradaban mereka dalam kehidupan seharian. Bagi aspek masa dalam nilai budaya adalah sesuatu yang merujuk kepada tempoh tamadun serta teknologi semasa.

Istilah budaya dalam bahasa Inggeris ialah ‘culture’ yang berasal daripada berkataan Latin yang berbunyi ‘colere’ yang memberi maksud kehidupan manusia yang sentiasa memelihara dan mengerjakan pelbagai tindakan yang boleh menghasilkan tindakan budaya Suwardi Endraswara (2006). Menurut Abdul Latif Abu Bakar (1987), budaya adalah aspek yang sulit untuk diterjemahkan dan juga memerlukan pemahaman yang luas dalam memaparkan terminologi pendapat dan hujahan yang tidak sama dalam kalangan para sarjana. Di samping itu, terdapat pengkaji yang berpendapat bahawa sarjana dari Barat dan juga tempatan mempunyai tahap pemikiran yang berbeza dalam mentafsir maksud atau definisi berkaitan budaya. Oleh itu, sebuah hubungkait yang lebih sistematik telah dilaksanakan oleh beberapa pengkaji dalam membincangkan perihal budaya. Istilah budaya juga menunjukkan bahawa budaya itu adalah sebuah gaya hidup manusia yang lebih teratur seperti tingkah laku, nilai, cita-cita dalam kalangan sesuatu masyarakat. Bagi kajian yang bakal saya lakukan adalah mengkaji aspek-aspek sosiobudaya yang terdapat di dalam dalam novel *Tenggelamnya Kapal van Der Wijck* karya Hamka yang memaparkan cerita di dalam cerita bagi novel yang ingin dikaji tersebut.

Teori Sosiologi menurut Diana Laurenson dan Alan Swingewoods (1972), menjelaskan bahawa pengkajian sosiologi yang berfokus kepada aspek masyarakat dan kemasyarakatan merupakan satu bidang ilmu yang memberi tumpuan terhadap individu dan masyarakat secara saintifik dan objektif.

Tambahan pula, mereka juga memperincikan pendekatan sosiologi dengan melihat tiga memperincikan pendekatan sosiologi dengan melihat tiga dimensi. Pertama, melihat karya sastera sebagai dokumen sosiobudaya yang mencerminkan satu zaman, kedua melihat dari segi penghasilan karya sastera terutama yang berhubungan dengan kedudukan sosial seorang penulis dan ketiga merujuk kepada penerimaan suatu masyarakat terhadap karya daripada seseorang penulis tertentu. Terdapat dua konsep pendekatan sosiologi (Mana Sikana, 1998) antaranya ialah melihat karya sebagai cerminan sejarah terutamanya tentang sejarah perkembangan ekonomi, teknologi dan perhubungan kelas dimana sesuatu pertikaian yang berlaku dalam masyarakat serta menjadi sumber inspirasi dan ilham penulis. Seterusnya, pendekatan sosiologi juga boleh merakamkan aspek perwatakan dan watak-wataknya untuk menggambarkan sifat seseorang individu.

### 1.1 Latar Belakang Kajian

Novel *Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck* karya Hamka yang mengetengahkan jalan cerita yang sangat indah dimana novel ini menyelitkan kisah percintaan antara dua darjah iaitu cinta anak muda yang masih bergelora jiwanya. Karya ini juga secara lembut dan sopan dalam memberikan kritikan sosial yang tajam kepada masyarakat yang lebih memandang kepada harta serta keberadaan seseorang itu dalam memelihara keturunan dengan beralaskan agama. Karya Hamka ini juga bukan sahaja membuat pembacanya tersenyum bilamana penulisan beliau juga dapat membuat pembacanya menahan hiba dek kesedihan perjuangan dua pasangan dalam mempertahankan hubungan mereka. Novel ini juga merupakan sebuah kajian mengenai identiti budaya yang menyebabkan beberapa konflik terjadi di dalam novel tersebut dengan

mengisahkan persoalan adat istiadat dan tradisi masyarakat Minangkabau serta perbezaan latar belakang sosial yang menghalangi hubungan cinta sepasang kekasih hingga berakhir dengan sebuah tragedi yang sangat menyedihkan.

Novel ini telah ditulis oleh Hamka dan telah diterbitkan pada tahun 2015 yang menceritakan sebuah kisah cinta Hayati dan Zainuddin yang terhalang oleh adat Minangkabau yang melihat harta serta kekayaan dan keturunan keluarga sebagai yang pertama dan tertinggi. Walaupun karya ini sudah ditulis 7 tahun yang lalu, novel ini masih menjadi pilihan pembaca sehingga ke hari ini. Malah, sehingga diterjemahkan menjadi filem dan teater. Sepanjang menghasilkan novel ini, penulis Hamka yang dipandang sebagai ulama dan ahli negara telah dikritik hebat kerana beliau menulis sebuah novel yang berlandaskan genre ‘roman’ cinta remaja. Hamka juga telah membuat pernyataan bahawa tujuan novel ini ditulis bukan semata-mata menunjukkan perasaan sebuah pasangan yang sedang bahagia, ianya juga bertujuan untuk mengkritik adat Minangkabau yang menjadikan darjat dan keturunan sebagai perkara yang besar dan pengukur kebahagiaan pada masa itu sehingga memutuskan hubungan antara dua jiwa yang digambarkan melalui watak Zainuddin dan Hayati.

Zainuddin merupakan seorang pemuda yang terlahir di dalam keluarga yang serba kekurangan apatah lagi untuk memiliki harta peninggalan daripada keluarganya setelah kematian kedua ibu bapanya. Bapa kepada Zainuddin merupakan kaum Minangkabau manakala ibunya pula adalah kaum Mengkasar. Zainuddin menghadap kesulitan untuk tinggal bersama keluarga dua-dua ibu bapa kerana perbezaan kaum dari ibu bapanya menyulitkan beliau untuk bersilaturahim bersama kedua-dua keluarga. Zainuddin telah ditimpa kesusahan apabila ibu bapanya telah meninggal dunia dan menjadi anak yatim piatu

sehingga beliau dikenali sebagai darah yang sudah tercampur dan tidak layak untuk bersama kedua-dua belah keluarga daripada ibu bapanya. Zainuddin telah berhijrah ke kampung halaman bapaknya yang terletak di Padang Panjang untuk memulakan kehidupan baharu.

Sepanjang keberadaan Zainuddin di perkampungan tersebut, dia telah menemui seorang wanita berbangsa Minang yang bernama Hayati iaitu seorang gadis yang digelar Bunga Batipuh dengan kecantikannya yang tiada bandingan. Walaupun Hayati terlahir dalam keluarga Minang yang terhormat dan sangat terpandang di kampung tersebut, Hayati sahaja yang sudi untuk berkawan dengan Zainuddin dimana setelah itu mereka sering berbalas-balas surat sehingga sebuah perasaan cinta mula berputik di antara mereka. Zainuddin yang sudah jatuh cinta kepada Hayati berhasrat untuk melamarnya menjadi isteri telah ditolak oleh keluarga Hayati kerana bagi mereka Zainuddin merupakan seorang pemuda yang berdarah campuran Minangkabau dan Mengkasar manakala keluarga Hayati amat perpegang teguh kepada adat serta tradisi Minang yang seharusnya mengahwini pasangan mereka yang lahir dalam keluarga Minang tulen sahaja. Zainuddin setelah itu berhijrah ke Jakarta bersama kawannya Bang Muluk setelah hubungannya bersama Hayati tidak direstui. Selain itu, alasan Zainuddin berpindah ke daerah lain adalah kerana perasaan kecewa apabila kekasih hatinya, Hayati telah dikahwinkan oleh keluarganya dengan seorang pemuda yang bernama Aziz yang merupakan pemuda kaya raya dan juga orang Minangkabau yang tulen.

Zainuddin telah memulakan kerjayanya sebagai seorang penulis di Jakarta dan beberapa tahun kemudian telah menjadi seorang penulis yang terkenal dan dikurniakan dengan kesenangan hidup berkat penulisannya. Seiring

masa berlalu, Zainuddin secara tidak sengaja telah bertemu dengan Hayati bersama suaminya Aziz disaat pasangan suami isteri itu sedang mengalami masalah kewangan. Zainuddin yang menganggap mereka sebagai sahabat bersedia untuk membantu meringankan beban mereka dengan membantu mereka dari segi ekonomi. Zainuddin menyedari bahawa perkahwinan di antara Hayati dan Aziz adalah tidak bahagia tetapi dia tidak ingin mencampuri urusan peribadi pasangan tersebut. Hayati seorang yang sangat mementingkan adat dan tradisi mereka manakala Aziz merupakan seorang pemuda yang moden dimana dia selalu berkumpul bersama rakan-rakannya menyebabkan hubungan mereka kurang harmoni kerana saling tidak memahami satu sama lain. Aziz telah meninggalkan Hayati kerana merasakan tidak mampu untuk menafkahi isterinya itu lagi atas beberapa faktor yang tidak dapat dielakkan dan Hayati terpaksa tinggal bersama kekasih lamanya. Oleh kerana beberapa konflik yang terjadi antara Hayati dan Zainuddin, dia telah dihantar pulang ke kampung halaman dengan menaiki Kapal Van Der Wijck tetapi malangnya kapal tersebut telah karam di pertengahan jalan dan banyak penumpang yang telah terkorban termasuklah Hayati.

## 1.2 Permasalahan Kajian

Permasalahan kajian berkaitan novel ini merujuk kepada adat dan tradisi di dalam novel *Tenggelamnya Kapal van Der Wijck* karya Hamka sehingga menimbulkan beberapa konflik. Karya ini juga secara lembut dan sopan dalam memberikan kritikan sosial yang tajam kepada masyarakat yang lebih memandang kepada harta serta keberadaan seseorang itu dalam memelihara keturunan dengan beralaskan agama. Dalam novel ini, masyarakat yang bukan bersuku Minangkabau adalah dianggap tidak berbangsa dan juga tidak

memahami akan adat mereka jika seseorang itu terlahir daripada campuran Minangkabau atau kaum lain. Walaupun Zainuddin seharian mempelajari ilmu agama, dia tetap ditolak dan dianggap tidak bersuku dan berbangsa dimana dia tidak dianggap juga oleh keluarga bapaknya sehingga dikatakan hanya menumpang. Hayati yang mempunyai darah Minangkabau tidak dibenarkan oleh keluarganya untuk berkahwin dengan pemuda yang bernama Zainuddin atas dasar pemuda tersebut berada pada peringkat sosial yang berbeza dan mempunyai darah campuran. Keluarga Hayati merupakan masyarakat yang masih terikat dengan adat dan tradisi lama dan keluarga yang terpandang serta terhormat di kampung Padang Panjang sehingga mengorbankan perasaan anaknya dengan menikahinya kepada pemuda yang tidak dicintainya kerana pemuda tersebut terlahir dalam keluarga Minang tulen juga latar belakang keluarga yang kaya raya. Seiring berlalunya waktu, penerapan dari segi adat dan tradisi bukanlah sesuatu yang rumit pada masa sekarang kerana ramai keluarga yang sudah mula berpindah dengan memulakan hidup baru untuk keharmonian bersama. Walaupun begitu, mereka masih mematuhi serta menghormati adat dan tradisi masyarakat Minang tetapi ke arah yang lebih rasional.

Selain itu, kajian ini juga mengetengahkan kajian berkaitan identiti sesebuah budaya yang juga mempengaruhi jalan cerita dalam novel *Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck* yang menampilkan kepelbagaiannya budaya seperti perbezaan sesuatu suku serta kelas sosial yang merupakan penyumbang kepada konflik-konflik yang terkandung di dalam novel tersebut. Seperti yang kita tahu, Indonesia juga kaya dengan budaya, etnik, adat serta tradisi yang pelbagai menyebabkan sesetengah masyarakat terikat untuk mengekalkan asal usul masing-masing dalam menjalankan kehidupan sehari-hari.

Kesimpulannya, berdasarkan penelitian kajian terdahulu yang telah dijalankan, pengkaji telah memilih tajuk Aspek Sosiobudaya yang terdapat dalam novel *TKVDW* karya Hamka menggunakan Teori Sosiologi disebabkan terdapat beberapa kelomongan daripada kajian-kajian lepas yang telah diperoleh. Hasil daripada tinjauan berkaitan kajian-kajian lepas, didapati pengkaji-pengkaji terdahulu kurang menitikberatkan beberapa aspek yang belum dikaji berkaitan novel kerana kebanyakan kajian hanya menumpukan filem adaptasi karya tersebut. Antaranya mengenai aspek sosio budaya yang meluas serta penerapan Teori Sosiologi pada novel *TKVDW* karya Hamka.

### **1.3 Persoalan Kajian**

Kajian yang dijalankan adalah berdasarkan dua persoalan utama, iaitu:

- 1.3.1 Apakah aspek sosio budaya melalui Teori Sosiologi yang terdapat di dalam novel *Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck* karya Hamka?
- 1.3.2 Sejauhmanakah Teori Sosiologi dapat mempengaruhi masyarakat melalui aspek sosio budaya dari segi kepercayaan, keagamaan, adat dan tradisi, gaya hidup masyarakat dan bahasa yang digunakan melalui novel *Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck* karya Hamka?

## 1.4 Objektif Kajian

Terdapat dua objektif yang utama di dalam penyelidikan ini, iaitu:

- 1.4.1 Mengenalpasti aspek sosio budaya yang terdapat di dalam novel *Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck* karya Hamka: Satu tinjauan Teori Sosiologi
- 1.4.2 Menganalisis aspek sosio budaya dari segi kepercayaan, keagamaan, adat dan tradisi, gaya hidup masyarakat dan bahasa yang digunakan di dalam novel *Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck* karya Hamka: Satu tinjauan Teori Sosiologi

## 1.5 Skop Dan Batasan Kajian

Pengkaji telah membataskan kajian terhadap sebuah novel agar pengkaji dapat menghasilkan sebuah penulisan yang baik dan lebih teliti berdasarkan dapatan kajian atau analisis kajian yang menjadi tunjang utama dalam kajian ini. Pengkaji telah berpandukan sebuah novel *Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck* karya Hamka yang telah diterbit pada tahun 2015 yang mempunyai 290 muka surat dimana novel ini yang berbentuk cerita dalam masa yang sama mempunyai plot naratif melalui setiap subtopik. Novel ini telah diterbitkan oleh PTS Media Group pada tahun 2015 bagi cetakan yang pertama. Hamka adalah seorang penulis dan ulama yang terkenal di Indonesia dimana nama pena beliau adalah gabungan nama penuhnya iaitu Haji Abdul Malik Karim Abdullah. Setiap maklumat yang diperlukan hanyalah berdasarkan pembacaan yang bakal dilakukan oleh pengkaji semasa menjalankan kajian tanpa harus melakukan temubual bersama responden. Hal ini kerana, pengkaji hanya berpandukan analisis kandungan yang terdapat di dalam novel untuk mencari dialog atau

watak serta perwatakan mengikut keperluan pengkaji. Di dalam kajian ini, saya hanya akan tertumpu kepada analisis yang bertujuan untuk mengenalpasti aspek sosio budaya menggunakan novel *Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck* dimana aspek budaya terbahagi kepada unsur yang meluas kerana terdapat masyarakat yang mengetengahkan sosial budaya dalam kehidupan sehari-hari mereka.

Selain itu, pengkaji juga membataskan kajian melalui penggunaan jenis teori sastera dengan mengaplikasikan teori sosiologi sebagai medium penyampaian maklumat berkaitan objektif kajian yang akan membincangkan aspek sosio budaya di dalam novel tersebut. Teori sosiologi secara umumnya mempelajari tentang konsep kehidupan sosial, perubahan sosial dan sebab-akibat dari berbagai perilaku manusia. Menurut Diana Laurenson dan Alan Swingwoods (1972) menjelaskan bahawa pengkajian sosiologi yang berfokus kepada aspek masyarakat merupakan satu bidang ilmu yang memberi tumpuan terhadap individu dalam masyarakat, kajian mengenai institusi sosial, proses bersosialisasi serta sejarah masyarakat itu. Teori sosiologi juga disokong oleh seorang tokoh sastera Mana Sikana (1998) yang menyatakan bahawa hubungan sastera dan masyarakat dapat dilihat seperti latar belakang pengarang, fungsi kesusasteraan masyarakat dari segi aspek sosial, ekonomi, politik, budaya dan juga pendidikan.

Dalam pada itu, pengkaji juga mengkaji beberapa aspek sosio budaya yang terdapat di dalam novel tersebut iaitu dari segi kepercayaan, agama-agama yang dianuti oleh masyarakat di dalam novel itu, kajian dari segi bahasa yang digunakan dalam kehidupan sehari-hari memandangkan mereka terdiri dari suku kaum yang berbeza atau perbezaan bahasa semasa melakukan perniagaan sudah tentu penting di samping mengembangkan data pencarian serta bacaan

pengkaji. Akhir sekali adalah sesuatu yang terutama sekali diberikan perhatian semasa melakukan penyelidikan iaitu aspek budaya dari segi adat istiadat serta tradisi masyarakat terutamanya mereka yang terdiri daripada kaum Minangkabau. Dalam novel ini akan lebih menumpukan perjuangan sepasang kekasih yang tidak direstui atas perbezaan darjat dan kaum di antara mereka. Di samping mengkaji budaya, pasti akan disertakan sekali dengan beberapa insiden yang berkaitan untuk menegaskan lagi pernyataan yang ingin disampaikan oleh pengkaji.

### **1.6 Kepentingan Kajian**

Kajian ini dijalankan agar pengkaji terkini atau pengkaji akan datang dapat mengenalpasti dengan lebih terperinci akan aspek-aspek budaya yang merupakan istilah umum yang menunjukkan tingkah laku dan norma sosial yang terdapat dalam masyarakat manusia serta pengetahuan, kepercayaan, kesenian, undang-undang, adat resam, keupayaan dan tabiat sesuatu individu dalam kumpulan ini. Melalui bacaan novel yang bertajuk *Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck*, terdapat banyak maklumat yang berguna telah disampaikan kepada pembaca. Pada masa kini, ramai generasi muda yang kurang mengambil tahu akan unsur serta aspek sosiobudaya yang telah lama diamalkan di negara kita oleh kerana mereka membesar mengikut arus modenisasi yang menyebabkan mereka kurang memberikan perhatian terhadap topik sebegini. Novel ini telah diadaptasi menjadi sebuah filem dan dilakonkan semula oleh pelakon-pelakon yang terkenal di samping membantu memperkenalkan kepada khalayak ramai berkaitan novel ini. Sudah menjadi lumrah apabila belum puas menonton filem, sudah semesti para peminat akan membeli bukunya sekali dan kaedah

profileman sedikit sebanyak membantu pengedaran novel yang diadaptasi tersebut.

Selain itu, novel ini juga mengalakkan pengkaji serta pembaca untuk memperolehi iktibar melalui pembacaan bagi novel tersebut. Terdapat banyak nasihat yang melibatkan kekeluargaan, hubungan kemasyarakatan serta pengajaran yang ditunjukkan di dalam novel *TKVDW*. Seperti nasihat berkisarkan tentang ibu bapa seharusnya menjadi sumber kekuatan bagi anak-anak mereka agar mereka tidak mengalami kesulitan di kemudian hari dengan adanya pemahaman dari pihak ibu bapa terhadap anak-anak mereka yang semakin meningkat dewasa. Nilai lain yang dapat memberikan iktibar kepada pembaca adalah sentiasa menerapkan nilai kesabaran dalam diri seseorang. Sebagai contoh, watak Zainuddin yang serba kekurangan kerana beliau seorang anak yatim piatu tidak menyimpan sebarang dendam kepada mereka yang sering menyinggung perasaannya. Malah, dia sentiasa memaafkan dan mendoakan kesejahteraan mereka seperti dia mendoakan kehidupan baharu Hayati bersama pasangan pilihan keluarganya kerana apa yang dilakukan oleh Hayati adalah taat kepada orang tuanya.

Terakhir sekali, kepentingan yang saya perolehi daripada novel ini adalah kita seharusnya tidak memandang rendah terhadap status seseorang. Melalui pembacaan novel ini juga, watak Zainuddin adalah merupakan seorang lelaki yang berdarah campuran dan tidak mempunyai harta namun pemuda tersebut mempunyai akhlak yang baik dan mulia di samping dirinya yang rajin dalam melakukan pekerjaan-pekerjaan berat. Majoriti masyarakat di negeri Batipuh adalah orang Minangkabau dan mereka sangat menentang perhubungan campuran seperti perkahwinan ibu dan bapa Zainuddin yang telah menyebabkan

dia kesulitan untuk mendapatkan tempat serta kedudukan ketika bersama masyarakat tersebut. Tertua di negerti itu telah menegaskan bahawa anak cucu mereka pada kemudian hari tidak akan mempunyai status yang sah kerana percanggahan sistem serta peraturan adat Minangkabau. Oleh itu, mereka hanya menyambut Zainuddin sebagai orang yang mencari pekerjaan di perkampungan itu walaupun dia mempunyai keluarga di negeri tersebut. Seiring dengan arus pemodenan, sebagai pengkaji yang telah membaca novel dalam mencari maklumat yang diperlukan mendapati bahawa adat-adat bagi sesetengah masyarakat pada zaman dahulu terbukti memberikan impak yang kurang menyenangkan. Selain Zainuddin terdapat banyak masyarakat yang telah mengalami penindasan hanya kerana mereka tidak berharta. Oleh itu, Zainuddin telah bersungguh-sungguh membina kehidupan yang lebih stabil mencipta kejayaan dari usaha dan bakat yang dimiliki tanpa mengharapkan harta keluarga secara turun-temurun. Dia juga telah memanfaatkan kelebihan yang dimilikinya untuk membantu mereka-mereka yang fakir agar mereka tidak berasa disisihkan oleh orang seperti yang pernah dialami oleh Zainuddin sendiri.

### **1.7 Organisasi Kajian**

Kajian ini mempunyai lima bab utama iaitu dari bab 1 sehingga bab 5. Projek Penyelidikan I akan menumpukan tiga bab sahaja dan dua bab lagi akan diteruskan dalam Projek Penyelidikan II. Organisasi kajian ini bertujuan untuk memudahkan kajian dijalankan dengan berkesan dan jayanya.

Bab 1 adalah menerangkan pengenalan bagi kajian yang ingin dilaksanakan dalam Projek Penyelidikan I. Dalam bab satu ini terdapat beberapa aspek penting yang tertumpu kepada pernyataan umum berkaitan kajian seperti

menerangkan berkaitan definisi kajian dan pendapat para tokoh sarjana berkaitan permasalahan kajian yang membincangkan topik-topik yang ingin diketengahkan di dalam kajian. Selain daripada itu, objektif kajian juga merupakan aspek yang penting dalam mengenalpasti dan menganalisis data yang ingin dikaji dengan memberikan satu matlamat utama kepada kajian ini. Skop kajian dan batasan kajian pula menerangkan novel yang ingin dikaji serta pengenalan sedikit akan tahun terbitan dan penulis bagi novel yang dikaji. Selain itu, batasan kajian juga memberikan penjelasan akan teori sastera serta pendekatan teori yang digunakan di dalam kajian. Kepentingan kajian pula bertujuan untuk memperincikan mengapa kajian ini penting untuk dijalankan diikuti dengan metodologi kajian yang berfungsi sebagai kaedah kajian dalam mencari maklumat berkaitan tajuk pengkaji. Akhir sekali, organisasi kajian pula menerangkan perjalanan projek mengenai bab-bab tertentu yang menjadi garis panduan pengkaji.

Pada bab 2 pula, penulisan kajian ini akan menyenaraikan berkaitan sorotan kajian yang telah dihasilkan oleh para pengkaji terdahulu. Kajian-kajian lepas ini tidak tertumpu kepada kajian berkaitan novel *Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck* sahaja, sorotan kajian juga dapat dikaji melalui kajian yang dijalankan atas novel-novel sastera yang lain tetapi masih ditulis oleh penulis yang sama ditambah dengan kajian-kajian lepas berkaitan teori sastera yang digunakan oleh pengkaji melalui jurnal atau artikel.

Seterusnya, bab 3 akan menerangkan berkaitan pemahaman pengkaji akan definisi teori dan pendekatan yang diaplikasikan di dalam kajian ini. Penggunaan teori sastera amatlah penting bagi sesetengah penulisan ilmiah supaya pengkaji dapat menjelaskan analisis dengan lebih terperinci dan

berkesan. Sebuah pernyataan akan disertakan dengan sokongan atau pendapat daripada tokoh-tokoh sarjana sastera yang telah menceburi bidang penulisan sastera sejak dulu lagi terutama sekali tokoh-tokoh yang banyak memberi maklumat berkaitan teori yang pengkaji gunakan.

Bab 4 merupakan penulisan akan analisis-analisis yang diperolehi daripada novel yang dibaca dimana pembaca atau pengkaji akan menjelaskan petikan yang mereka perolehi berlandaskan teori yang digunakan. Dalam kajian ini, isi-isi penting akan diambil kira melalui pembacaan buku dan ianya haruslah saling berhubungkait agar objektif kajian pengkaji tercapai. Oleh itu, pengkaji hendaklah sentiasa mendapatkan nasihat daripada pensyarah agar tugasannya bertepatan dengan kriteria yang lebih tepat.

Bab 5 adalah merupakan bab yang terakhir dan akan dimasukkan ke dalam kajian pengkaji apabila selesainya pencarian analisis-analisis berkaitan sosiobudaya yang terdapat di dalam novel. Bab ini juga merupakan bab yang terakhir bagi Projek Penyelidikan 2 dengan menyimpulkan secara ringkas tetapi padat akan kehidupan sesetengah masyarakat di dalam novel tersebut. Dalam bahagian rumusan atau kesimpulan pengkaji juga akan meletakkan nasihat dan pengajaran serta sebuah edukasi dalam menambahkan ilmu pengetahuan bagi mereka yang membaca novel ini.

## BAB 2

### SOROTAN KAJIAN LEPAS

#### 2.0 Pengenalan

Sorotan kajian lepas adalah bertujuan untuk meneliti atau tinjauan awal terhadap penyelidikan yang bakal dilaksanakan. Sorotan kajian lepas berfungsi sebagai panduan pengkaji dalam merungkai pernyataan masalah yang terdapat dalam kajian lepas bagi kegunaan kajian-kajian pada masa akan datang. Pengkaji telah memilih tajuk Aspek Sosiobudaya yang terdapat dalam novel *Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck* Karya Hamka menggunakan Teori Sosiologi kerana melalui penelitian kajian terdahulu yang telah dijalankan, terdapat beberapa kelomongan daripada kajian-kajian lepas yang telah diperolehi. Selain itu, melalui penelitian terhadap sorotan kajian lepas yang dikaji, masih terdapat beberapa aspek yang belum dikaji terutamanya dari segi sosiobudaya bagi novel *TKVDW* karya Hamka. Hal ini telah dibuktikan hanya beberapa sorotan kajian lepas yang diperolehi kerana kajian ini lebih banyak dilakukan di Universiti awam di Indonesia berbanding Malaysia. Oleh itu, pengkaji telah memilih novel yang dinyatakan di atas bagi memudahkan pengkaji sekiranya mereka ingin mengkaji berkaitan novel yang sama pada masa akan datang.

#### 2.1 Kajian Tentang Pengaruh Sosio Budaya

Kajian ini telah dijalankan oleh Kelly Jauding dan Colonius Atang (2020) yang bertajuk Pengaruh Sosiobudaya Orang Asal Terhadap Tingkah Laku Penjagaan Kesihatan. Kajian ini telah memfokuskan pengkajian Geografi Kesihatan yang membincangkan bagaimana tempat dan persekitaran dapat mempengaruhi kesihatan penduduk setempat melalui satu Tinjauan Literatur.

Dalam kajian ini, pengkaji juga telah mengambil kira ciri-ciri budaya dengan menitikberatkan elemen sosiobudaya yang mempengaruhi tahap penjagaan kesihatan orang asal yang pelbagai seperti cara mereka berbahasa, tahap pendidikan, jaringan keselamatan sosial, pengaruh jantina dan sebagainya. Oleh itu, kajian ini telah dijalankan agar dapat meyakinkan masyarakat Orang Asal agar mereka menfaati perkhidmatan penjagaan kesihatan yang telah disediakan di samping memberikan pendedahan akan kepentingan menjaga kesihatan dalam kalangan mereka.

Seterusnya, merujuk kepada penelitian yang telah dijalankan oleh Irma Wani Othman, Hasbullah Awang, Muhammad Safuan Yusoff dan Herlina Jupiter (2017) yang memfokuskan kepada Pengaruh Sosiobudaya dalam Kalangan Pelajar Antarabangsa di Universiti Malaysia Kelantan. Kajian ini telah berpandukan objektif yang bertujuan untuk mengenalpasti pengaruh sosiobudaya di kalangan pelajar antarabangsa di UMS. Pengkaji berhasrat agar pihak Universiti dapat menawarkan pelbagai program pengajian kepada para pelajar antarabangsa agar dapat menunjukkan kepelbagaian budaya dari pihak pelajar sendiri iaitu pelajar tempatan dan gabungan bersama pelajar antarabangsa. Melalui dapatan kajian, pengkaji berharap agar sesuatu program yang melibatkan pelajar tempatan dan pelajar antarabangsa terus dipelbagaikan serta diberikan pededahan agar hubungan para pelajar terjalin dengan sempurna sepanjang tempoh pengajian.

## 2.2 Kajian Tentang Teori Sosiologi

Kajian yang ditulis oleh Nurul Marliana Baderol dan Nur Afifah Vanitha Abdullah (2019) yang mengaplikasikan Sosiologi dalam drama *Bulan Belum Kelam* karya Roziah Adama yang mengutarakan pelbagai isu sosial masyarakat terpinggir di Malaysia. Objektif kajian bagi ini adalah untuk mengenalpasti apakah-isu-isu sosial yang ingin disampaikan Roziah Adama dalam drama beliau dan juga menganalisis isu-isu sosial dalam diri masyarakat melalui drama tersebut. Hasil kajian mendapati bahawa terdapat unsur sosiologi telah diaplikasikan dalam kajian ini melalui isu sosial yang terdapat dalam drama Buang yang melibatkan kes jenayah pembuangan bayi, sikap prasangka dan penindasan bagi mereka golongan yang lemah. Selain itu, dari segi aspek politik menunjukkan bahawa sesbuah pentadbiran orang atasan yang berkuasa dan boleh diselesaikan hanya dengan wang ringgit yang telah dilakukan oleh golongan hipokrit. Drama ini mempunyai keunikannya tersendiri apabila karya ini banyak mengetengahkan isu yang banyak terjadi pada masyarakat kini.

Selain itu, sebuah kajian yang bertajuk Pendidikan Dalam Perspektif Teori Sosiologi telah ditulis oleh Muhammad Rusydi Rasyid pada tahun 2015. Aspek Sosiologi dalam kajian ini adalah untuk memberikan pemahaman berkenaan sosiologi dan sistem pendidikan. Seterusnya, kajian ini juga memfokuskan pembahagian perspektif sosiologi pendidikan yang bersifat makro dan mikro berdasarkan teori berkaitan. Pengkaji berpendapat bahawa Sosiologi pendidikan berupaya untuk membantu memahami perancangan, proses perlaksanaan dan implikasi pelaksanaan program mahupun dasar tertentu. Sosiologi turut memberikan sumbangan yang bermakna bagi mereka yang berminat dalam upaya melakukan kajian kritis terhadap sesuatu yang berlaku dalam masyarakat.

Di samping itu, Aimi Khairunnisa Binti Karim dan Nurliana Suhaini (2020) telah menjalankan kajian yang bertajuk Kepentingan Teori dan Ilmu Sosiologi dalam Konteks Pendidikan menurut Perspektif Ibnu Khaldun. Kajian ini berkisarkan kepentingan teori dan ilmu sosiologi akan perkembangan ilmu pengetahuan yang berkaitan dengan ketamadunan dunia serta peradaban Islam dalam aspek pendidikan. Penulisan kajian ini banyak membincangkan ilmu teori kemasyarakatan dan sosiologi yang dipelopori oleh perspektif Ibnu Khaldun dimana intipati penting dalam kajian ini adalah bertujuan untuk membincangkan pendapat dan sumbangan beliau. Oleh itu, Ibnu Khaldun merupakan seorang tokoh yang telah membuktikan bahawa pemikirannya secara relevan banyak membantu dalam pembangunan insan.

Penelitian diteruskan dengan kajian yang bertajuk Tema dan Penokohan Drama *Odre Tabung* Teater Gandrik: Kajian Sosiologi Seni yang telah dihasilkan oleh Nur Sahid (2010) yang menentukan tema dan ciri-ciri dari drama yang dinyatakan di atas. Selain itu, kajian ini juga memfokuskan penelitian terhadap kepelbagaian faktor sosio-sejarah yang memungkinkan terdapatnya pengaruh berkaitan penciptaan drama Orde Tabung dan pandangan penulis naskah akan drama yang dipilih. Kajian ini telah menggunakan pendekatan sosiologi pada seni yang telah dipelopori oleh Janet Wolf yang digabungkan dengan strukturalisme genetik yang telah dipelopori oleh Lucien Goldman dimana kajian ini telah mengaplikasikan kaedah dialektik dan mencatat nota. Dapatan kajian ini telah membuktikan bahawa ciptaan teknologi baru tidak akan dapat merealisasikan kebahagiaan tanpa pemikiran manusia yang mementingkan nilai kemanusiaan. Watak yang membawa perwatakan sebagai hero adalah watak isteri Pembina

Kota yang menjadi satu-satunya orang yang masih memelihara nilai keaslian dalam usaha meningkatkan kesejahteraan masyarakat abad baru.

### **2.3 Kajian Tentang Novel Dan Penulis**

Kajian ini dilakukan oleh Fathin Noor Ain Ramli dan Azhar Wahid (2019) dalam novel Hamka iaitu *Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck, Merantau ke Deli dan Di Bawah Lindungan Ka'abah* yang tertumpu kepada perwatakan yang terdapat di dalam novel. Kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti pengurusan identiti bangsa Melayu dengan mengaplikasikan Teori Teksdealisme untuk menganalisis sebuah identiti sesuatu bangsa yang terdapat di dalam novel yang dipilih sebagai bahan kajian. Dapatkan kajian telah menjelaskan bahawa masyarakat Melayu yang telah dibincangkan oleh Hamka mempunyai ciri-ciri yang mudah untuk difahami atau tujuan mengenalpasti. Hal ini demikian, sebuah identiti yang telah diwujudkan oleh golongan masyarakat pada masa itu telah memberikan pendedahan baru kepada para pengkaji dalam membuat kajian berkaitan identiti mereka. Hal ini dapat dijelaskan lagi apabila pembinaan identiti bangsa Melayu dalam novel Hamka telah dipengaruhi oleh beberapa ciri dalam aspek budaya iaitu norma, imej dalam sesuatu tradisi, bahasa sebagai perantaraan dan memaparkan akhlak seseorang dalam nilai agama.

Penelitian diteruskan dengan kajian yang telah dijalankan oleh Kamal Azmi Abd Rahman dan Sharifah Nur Aminah Syd Kassim (2016) yang memfokuskan tentang idea-idea kritikan sosial melalui penulisan novel *Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck* karya Hamka. Seterusnya, kajian ini berpandukan objektif yang bertujuan untuk mengenalpasti idea-idea kritikan sosial yang terkandung di dalam novel dan menganalisis idea-idea kritikan sosial

dalam kehidupan masyarakat yang bersuku dan beradat. Dalam kajian ini, Hamka merupakan seorang penulis yang bijak dalam mempersesembahkan pelbagai elemen nasihat dan kritikan terhadap keadaan semasa dalam kehidupan sosio budaya masyarakat serumpun di Nusantara khususnya di dalam kehidupan masyarakat Minang di Indonesia. Melalui dapatan kajian, Hamka telah memberikan pengetahuan dan ilmu yang dapat membantu masyarakat untuk membersihkan jiwa, mendidik dan meningkatkan darjat akal budi dimana beliau juga mengingatkan bahawa kehidupan sosial yang bertunjangan kepada adat semata-mata boleh merosakkan kemurnian jiwa seseorang individu dan masyarakat seluruhnya.

Seterusnya, kajian mengenai novel yang memfokuskan kepada struktur kehidupan masyarakat Minangkabau asli dan luar yang telah ditulis oleh Nur Elyana Binti Madah dan Zairul Anuar Md. Dawam (2017) berpandukan novel *Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck* dengan menggunakan kajian Teori Sosiologi. Kajian ini telah membincangkan kehidupan masyarakat Minangkabau asli dan masyarakat luar di Padang Panjang, Batipuh, Makassar, Jakarta dan negeri lain di Indonesia dimana pegangan adat Minangkabau yang kukuh menyebabkan wujud rasa prasangka dan diskriminasi antara masyarakat yang mempunyai latar belakang berbeza. Oleh itu, objektif kajian juga dapat dicapai dengan jayanya apabila analisis dapat memberi penerangan adat Minangkabau dan kesannya kepada kepada sosiologi masyarakat.

Kesimpulannya, berdasarkan kepada sorotan kajian yang telah diperoleh, maka jelaslah membuktikan bahawa terdapat pelbagai aspek yang telah dikaji oleh para pengkaji sebelum ini. Oleh itu, sebuah kajian yang memfokuskan Aspek Sosiobudaya di dalam novel *Tenggelamnya Kapal Van Der*

*Wijck* karya Hamka dengan mengaplikasikan Teori Sosiologi bagi menambahkan lagi kajian terhadap sosiobudaya agar dapat menjadi panduan terhadap penyelidikan para pengkaji yang akan datang.



UNIVERSITI  
—  
MALAYSIA  
—  
KELANTAN

## BAB 3

### METODOLOGI


#### 3.0 Pengenalan

Pada bahagian metodologi pula adalah sebuah kaedah dan teknik-teknik mereka bentuk, mengumpul serta menganalisis data supaya dapat menghasilkan bukti yang boleh menyokong sesuatu kejadian. Metodologi kajian juga akan menerangkan bahawa cara sesuatu analisis yang dikaji dan sebab sesuatu kaedah serta teknik tertentu yang digunakan. Metodologi kajian juga bertujuan untuk memastikan objektif kajian dapat dicapai berdasarkan kaedah yang dipilih secara sahih dan dipercayai. Dalam kajian ini, pengkaji telah menggunakan rekabentuk kajian kualitatif sepenuhnya dimana terdapat bahagian kaedah kajian, pengkaji juga telah menggunakan kaedah kepustakaan, kaedah menganalisis teks dan juga membuat rujukan melalui internet untuk penambahan maklumat serta panduan.

#### 3.1 Kaedah Kepustakaan

Kaedah ini menggunakan kaedah kualitatif iaitu kaedah kepustakaan, rujukan teks dan juga penyelidikan laman web. Kepustakaan merupakan satu kaedah yang digunakan oleh pengkaji dalam menyiapkan kajian dan mendapatkan data melalui dokumen dan bahan-bahan yang terdapat di dalam perpustakaan. Pengkaji telah berkunjung ke Perpustakaan Universiti Malaysia Kelantan (UMK) untuk mendapatkan beberapa maklumat berkaitan tajuk kajian. Melalui kaedah kepustakaan, pengkaji telah mendapatkan sumber rujukan iaitu novel yang digunakan dalam Projek Penyelidikan yang bertajuk *Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck*. Selain mencari maklumat berkaitan sosio budaya, pengkaji

juga banyak mencari maklumat tambahan berkaitan teori sastera iaitu teori sosiologi yang diterapkan melalui kajian ini.



**Gambar 1:** Novel *Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck* karya Hamka

### 3.2 Kaedah Menganalisis Teks (Narrative Analysis)


*Narrative analysis* dikenali sebagai analisis terhadap sesbuah cerita dan pengkaji penulisan ini dijalankan melalui pengkaji yang memfokuskan penelitian terhadap teks novel yang terdapat di dalam novel *Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck* karya Hamka. Novel yang dipilih ini kerana berdasarkan penelitian yang telah dilakukan dimana terdapat pengaruh sosiobudaya yang tekandung di dalam novel membantu pengkaji untuk menyelesaikan kajian. Pengkaji menganalisis kajian melalui bacaan dengan memahami unsur serta jalan cerita yang terkandung di dalam novel berkenaan bagi mendapatkan topik-topik yang ingin dikupas dan dijadikan sebagai bahan persoalan sebagai bahan membuat sebuah penulisan.

### 3.3 Rujukan Sumber Internet

Bagi menyiapkan kajian yang dibuat, pengkaji juga telah membuat rujukan sumber internet dengan melayari laman sesawang seperti jurnal dan artikel yang berkaitan untuk mendapatkan maklumat yang saling berhubung kait seperti bahan kajian lepas yang berkaitan teori yang digunakan serta kajian lepas berkaitan novel secara di atas talian bagi memperkuuhkan maklumat dan pandangan yang dinyatakan di dalam kajian. Melalui rujukan internet pula, pengkaji dapat mengakses kajian-kajian lepas yang telah dijalankan agar dapat dijadikan panduan penulisan terhadap kajian yang bakal dijalankan.

### 3.4 Kerangka Teori

Kerangka teori adalah merupakan asas kepada sesuatu kajian daripada pemerhatian dan pembacaan karya penyelidik dapat menyungkil semua faktor-faktor yang berkaitan dengan sesuatu masalah. Melalui kerangka teori juga, penyelidik dapat mengintergrasikan faktor-faktor ini secara logikal supaya mempunyai asas saintifik untuk menjalani sesuatu penyelidikan. Selain itu, kerangka teori juga bertujuan untuk memudahkan pengkaji dalam menyusun atur analisis-analisis yang diperolehi melalui pembacaan novel *Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck* karya Hamka.



Rajah 1: Kerangka Teori Sosiologi

UNIVERSITI  
-----  
MALAYSIA  
-----  
KELANTAN

## BAB 4:

### DAPATAN KAJIAN

#### 4.0 Pengenalan

Bab ini akan membincangkan analisis yang telah diperolehi melalui kajian novel *Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck* karya Hamka berdasarkan dua objektif kajian iaitu objektif pertama adalah untuk mengenalpasti aspek sosiobudaya yang terterdapat di dalam novel *Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck*. Manakala, objektif yang kedua adalah untuk menganalisis aspek sosiobudaya dari segi kepercayaan, adat istiadat dan tradisi masyarakat yang terdapat di dalam novel pilihan melalui pendekatan Teori Sosiologi. Hamka telah menginspirasikan peristiwa sebenar *Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck* yang benar-benar terjadi di Indonesia tetapi menulis jalan cerita yang berunsur fiksi. Novel *Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck* ini bukan hanya menumpukan kepada percintaan dua insan iaitu Zainuddin dan Hayati yang berakhir dengan perpisahan yang tragis. Hamka turut menyelitkan persoalan berkaitan kepercayaan masyarakat setempat, adat dan tradisi serta gaya hidup yang menjadi sumber pendapatan yang diamalkan oleh masyarakat di dalam novel tersebut.

Pendekatan sosiologi atau pendekatan kemasyarakatan merupakan pendekatan yang membicarakan aspek luaran teks seperti sudut latar pengarang dari segi fungsi sastera dan hubungan teks dengan masyarakat. Hubungan teks dapat dikategorikan dengan isu politik, ekonomi, budaya dan aspek-aspek lain yang bertujuan untuk membangunkan masyarakat melalui analisis yang melihat teks sebagai kesan kepada pengaruh masyarakat terhadap kehidupan manusia.

Sastera mempunyai hubungan yang rapat dengan masyarakat terutama sekali golongan pembaca. Sastera juga diterima sebagai cermin masyarakat, cermin budaya dan cermin sejarah yang menjadi konsep pertama pendekatan sosiologi yang turut menggagaskan *literature engage* akan hubungan sastera dan masyarakat melalui kodanya yang pertama iaitu sastera sebagai cermin nilai budaya bangsa yang masih dianuti dan diyakini. Pengarang bagi novel ini iaitu Hamka sendiri bertindak sebagai wakil masyarakatnya untuk mencatat, menulis dan menginterpretasikan segala peristiwa yang digambarkan dalam karya sastera tersebut agar menjadi asas pemahaman bagi situasi masyarakat pada zaman dahulu atau pada masa tertentu dimana segala kejadian serta perkembangan kehidupan manusia dirakamkan dalam bentuk penulisan.

Kaedah mengaplikasikan pendekatan sosiologi melalui kajian yang dijalankan adalah sebuah proses menganalisis isu sosial termasuklah isu situasi masyarakat yang moden, mundur atau kuno serta masyarakat desa atau kota dengan pelbagai aktivitinya. Pendekatan sosiologi juga digunakan untuk membincangkan protes sosial dan segala anjakan kemasyarakatan termasuklah perincian perjuangan serta pengorbanan untuk melahirkan sesebuah masyarakat yang bertamadun. Isu-isu lain yang turut mempunyai kepentingan dalam pendekatan ini ialah dari segi tatasusila, etika, budaya dan falsafah kemasyarakatan. Penelitian aspek nilai juga dapat dibincangkan melalui teks yang dihasilkan oleh seseorang pengarang yang akan dinilai dalam konteks sosialnya seperti nilai teks dalam konteks pencerminan, aspek teks sebagai dokumentasi sosial dan juga melihat unsur-unsur protes sosialnya. Dalam penelitian aspek nilai ini juga telah memperlihatkan bahawa kedudukan atau pencapaian sesebuah karya dalam konteks kemasyarakatan iaitu analisis yang

dihadarkan adalah melalui petikan yang dipetik dari bacaan novel yang telah dipilih oleh pengkaji.

Selain itu, penulis juga dituntut agar mereka melakukan penyelidikan sebelum menghasilkan sesebuah karya sastera agar dapat memberikan penghayatan setiap baris ayat yang cuba untuk disampaikan kepada pembaca. Merujuk kepada situasi di dalam novel *Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck* ini, Hamka yang merupakan penulis dari Indonesia ini telah mengekspresikan segala peristiwa yang benar-benar berlaku pada zaman dahulu di negaranya dimana novel ini menceritakan sedikit sebanyak kisah-kisah masyarakat yang berjuang hidup demi mencari nafkah untuk meneruskan kehidupan dengan beberapa aktiviti sosioekonomi yang mereka jalankan selain menitikberatkan masyarakat yang berpegang teguh kepada adat serta tradisi. Melalui novel ini juga, Hamka menyampaikan beberapa kritikan terhadap segelintir masyarakat Indonesia yang menjadikan adat sebagai tunjang utama dalam membuat keputusan sehingga mereka beranggapan tiada yang mampu menandingi kebesaran adat dalam kehidupan seharian. Seperti yang kita tahu, masyarakat Indonesia mempunyai pelbagai kaum dan setiap darinya mempunyai adat masing-masing. Oleh yang demikian, adat yang seharusnya dipatuhi itu telah menyukarkan sesetengah masyarakatnya terutama watak Zainuddin dan Hayati yang tidak direstui walaupun masalah tersebut terlihat mudah, tetapi tidak bagi tertua mereka yang menolak untuk menerima ideologi baharu termasuklah pendidikan berkaitan agama.

Analisis yang diperolehi adalah untuk menyatakan beberapa hal yang dikritik oleh pengkaji melalui novel yang dipilih agar dapat menjadi pedoman serta menambah ilmu pengetahuan dalam membentuk insaniah pembaca itu sendiri.

Walaupun terdapat ketidakpuasan terhadap pembacaan berkaitan novel ini, pembaca seharusnya mengambil iktibar serta pengajaran yang ingin disampaikan kerana novel ini adalah cerita fiksi yang telah direka oleh Hamka sendiri setelah peristiwa sebenar berlaku. Terdapat beberapa persoalan dan petikan yang merujuk kepada kepentingan Teori Sosiologi dari segi kepercayaan dan agama masyarakat, bahasa yang digunakan, adat istiadat, tradisi sesetengah masyarakat dan gaya hidup yang diamalkan oleh masyarakat di dalam novel *Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck* karya Hamka.

#### **4.1 Analisis Dapatan Kajian**

Analisis dapatan kajian adalah berdasarkan kajian teks dengan membaca novel yang bertajuk *Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck* karya Hamka. Analisis ini juga akan membincangkan aspek-aspek sosiobudaya dari segi kepercayaan, keagamaan, adat dan tradisi masyarakat, gaya hidup masyarakat serta jenis bahasa yang digunakan di dalam novel tersebut.

##### **4.1.1 Kepercayaan Terhadap Perkara Takhyul**

Takhyul adalah sesuatu kepercayaan yang tidak pernah mempunyai bukti yang wajar dan tidak dapat dibuktikan secara saintifik kerana biasanya cerita takhyul ini merupakan cerita lisan yang diceritakan mulut ke mulut oleh masyarakat terdahulu secara turun temurun sehingga tiada lagi keaslian cerita tersebut untuk diterima menerusi akal sihat seseorang. Hal ini demikian dilalui oleh watak itu sendiri dimana dia telah diceritakan cerita berunsur takhyul oleh orang tuanya sendiri dan sudah pasti sebagai kanak-kanak pastinya mereka mempercayai cerita tersebut bahkan tertarik untuk mendengarnya setiap hari. Walau bagaimanapun, cerita yang bersifat mitos

ini merupakan sesuatu yang aneh serta tidak rasional bagi masyarakat pada zaman moden ini kerana jalan cerita serta watak yang seakan-akan tidak pernah wujud kerana kebanyakannya melibatkan makhluk ghaib dan tidak dapat terlihat dengan mata kasar manusia. Walaupun begitu, tidak kurang juga masyarakat yang mempercayai cerita-cerita mitos ini berdasarkan petikan 1 di bawah.

Petikan 1:

Menurut takhyul orang tua-tua, bilamana hari akan kiamat, Kara Eng Data akan pulang kembali, di tanah lapang Karibosi akan tumbuh tujuh batang beringin dan berdiri tujuh buah istana persemayaman tujuh orang anak-anak raja, pengiring dari Kara Eng Data.

(Hamka, 2015:2)

Berdasarkan petikan di atas merujuk kepada kepercayaan terhadap cerita takhyul masyarakat Mengkasar akan sebelah timur daerahnya adalah sebuah tanah lapang Karibosi yang luas dan dipandang suci oleh penduduk di situ. Karibosi adalah sebuah lapangan olahraga dan kawasan awam bagi masyarakat yang terdapat di Kota Mengkasar. Mengikut kepercayaan masyarakat di kota Mengkasar pada masa itu, mereka percaya bahawa Kara Eng Data merupakan seorang raja yang telah ghaib di Beba dimana dia telah menyampaikan ajaran agama Islam dari kitab-kitab yang telah diwariskan oleh buyutnya iaitu Syekh Yusuf. Setiap pengajian yang disampaikan olehnya telah dihadiri oleh beberapa rakyat Galesong menyebabkan penyebaran pengetahuan agama ini dianggap pemberontakkan oleh British. Kara Eng Data yang dianggap ghaib adalah pernyataan tersirat dimana kejadian sebenar yang berlaku adalah pembunuhan raja tersebut oleh penjajah British pada masa itu. Kara Eng Data dianggap sebagai pahlawan yang membela nasib penduduk

Mengkasar dengan memberikan mereka semangat untuk berjuang melawan musuh. Oleh itu terciptalah cerita takhyul akan kebangkitan Kara Eng Data sewaktu kiamat yang berkemungkinan berpunca daripada tanda menghormati atau mengingati jasanya membela nasib rakyat Mengkasar pada masa itu.

Seterusnya, selain cerita takhyul dari daerah Mengkasar yang disampaikan oleh Pandekar Sutan yang merupakan ayah Zainuddin sendiri, dia turut menyampaikan cerita yang mempunyai unsur takhyul dari negeri asal bapaknya yang terletak di seberang lautan iaitu negeri Minangkabau yang jauh lebih indah permandangannya berbanding Mengkasar mengikut penceritaan ayahnya. Bapak Zainuddin telah berpindah ke Mengkasar atas sebab yang tidak dapat dielakkan dan dari situlah dia bertemu dengan ibunya iaitu Daeng Habibah. Cerita takhyul yang berasal dari negeri Minangkabau itu adalah seperti petikan berikut:

Petikan 2:

Jika Mengkasar ada Gunung Lombo Batang dan Bawa Kara Eng, di kampungnya pun ada dua gunung yang bertuah pula, iaitu Gunung Merapi dan Singgalang. Di Gunung Merapi ada talang perindu, di Singgalang ada naga hitam di dalam telaga di puncaknya.

(Hamka, 2015:3)

Berdasarkan petikan di atas, ayah Zainuddin turut menceritakan cerita mitos yang tiada kesahihannya kerana dia membesar mendengar cerita tersebut dari tertuanya kerana mereka percaya mungkin tertua pada zaman dahulu pernah menyaksikan atau mengalami kejadian-kejadian ghaib menyebabkan mereka mencipta cerita sedemikian. Seperti yang dinyatakan kehadiran ‘*talang perindu*’ iaitu buluh perindu yang dapat

ditemukan di Gunung Merapi (Gunung Berapi) dengan keistimewaanya yang dapat mengeluarkan bunyi-bunyian yang diperbuat daripada buluh dan akan mengeluarkan bunyi apabila ditiup angin. Selain itu, bapak Zainuddin juga menceritakan wujudnya naga hitam yang menjaga telaga di puncak Gunung Singgalang yang merupakan salah satu gunung berapi yang aktif di Indonesia pada masa itu. Berkemungkinan mereka percaya bahawa letusan berapi yang terjadi adalah akibat naga hitam tersebut walhal perkara itu merupakan sebuah bencana alam. Hal ini demikian kerana rakyat terdahulu banyak yang bersifat animisme sehingga setiap sesuatu yang berlaku dianggap keajaiban atau mempunyai kaitan dengan alam ghaib.

#### **4.1.2 Aspek Keagamaan Yang Terdapat Di Dalam Novel TKVDW**

Agama membawa maksud kepercayaan kepada Tuhan dan merujuk kepada sebuah peraturan dan undang-undang berbentuk panduan agar manusia boleh hidup dalam persekitaran yang aman damai. Agama juga merupakan sebuah peraturan, tatacara atau hubungan antara manusia dengan sesuatu kekuasaan luar biasa yang dianggap dapat memberikan perlindungan serta bertindak sebagai sebuah institusi sosial yang menyumbang kepada pembentukkan struktur masyarakat. Melalui novel *Tenggelamnya kapal Van Der Wijck* karya Hamka, pengkaji telah mendapati beberapa jalan cerita yang membuktikan bahawa banyak masyarakat pada masa itu telah mempunyai agama walaupun mereka masih terikat dengan adat serta tradisi. Agama juga menjadi salah satu elemen sosial dimana menurut Emile Durkheim (2018:15) yang telah membuat rumusan bahawa agama sebenarnya tidak lain daripada

masyarakatnya sendiri. Selain itu, agama juga merujuk kepada bahan sosial dan segala idea serta amalan atau ritual yang terdapat dalam agama itu sendiri dimana sesebuah aspek keagamaan hanya merupakan simbol kepada masyarakat tersebut (Benoit-Smulyan, 1969). Agama dalam kajian Durkheim menjadi ciri utama masyarakat yang bersifat mekanikal solidaritinya. Dalam masyarakat tradisional seperti ini, agama merupakan suatu kepercayaan yang sangat penting. Melalui pembacaan novel *TKVDW* karya Hamka telah memaparkan beberapa pernyataan yang menyatakan bahawa terdapat beberapa masyarakat Mengkasar dan Minangkabau yang telah menganuti agama Islam dan menyampaikan ilmu yang ada kepada masyarakat yang lain.

#### a) Memohon keampunan kepada Allah S.W.T

Sesuatu perbuatan yang dilakukan oleh umat manusia terutama masyarakat Muslim hendaklah berhasrat murni terhadap dirinya sendiri selain bertujuan untuk membersihkan diri dari kesilapan lampau yang tidak disengajakan. Hal ini merujuk kepada seorang pemuda yang telah dipenjarakan oleh kerana kesalahan fatal yang dilakukan oleh pemuda tersebut. Namun, pemuda tersebut masih mempunyai orang yang mengambil berat akan kebajikan dirinya dan membimbingnya dalam memohon keampunan dari Allah SWT akan segala kesalahan sepanjang masa mudanya. Melalui pembacaan novel *TKVDW* karya Hamka telah memperlihatkan aspek keagamaan yang terdapat di dalam novel akan situasi dimana Mak Base telah menceritakan kisah ibu Zainuddin iaitu Daeng Habibah yang merupakan seorang wanita dari kaum bangsawan keturunan tinggi iaitu keturunan Datuk ri Pandang dan Datuk ri Tirro yang

mula memperkenalkan dasar keislaman di Jumpandang. Dengan ilmu keagamaan yang dimiliki ibunya, dia telah banyak mengubah kehidupan suaminya. Pernyataan ini dapat dibuktikan melalui petikan di bawah:

Petikan 3:

...ibumulah yang telah mengajarnya menghadapkan muka ke kiblat, meminta ampun kepada Tuhan atas segenap kesalahan dan dosanya.

(Hamka, 2015: 13)

Merujuk kepada petikan di atas, Daeng Habibah telah mendorong suaminya untuk menjadi insan yang lebih baik. Ibu Zainuddin telah mengajar suaminya iaitu bapak Zainuddin untuk mengerjakan solat dan memohon keampunan dari Allah SWT atas dosa silamnya. Bapak kepada Zainuddin iaitu Pandekar Sutan merupakan seorang bekas banduan yang telah dibuang negeri akibat kesalahannya membunuh bapa saudara sebelah ibunya akibat perebutan harta. Dia tetap menerima hukuman walaupun tindakan yang dilakukannya hanya sebatas mempertahankan diri akan serangan yang diajukan kepadanya. Setelah menjalankan hukuman penjara selama 12 tahun, dia telah bertemu dengan Daeng Habibah dan disambut baik oleh Daeng Manippi dengan mengahwinkan mereka berdua. Setelah berkahwin, ibu Zainuddin telah berjaya melembutkan hati bapanya yang mempunyai sikap kasar, tidak mengenal kasihan malah tidak takut akan Tuhan kerana terbiasa dengan norma kehidupan sebagai banduan untuk taat kepada perintah Allah SWT kerana sesungguhnya manusia tidak pernah lari dari melakukan dosa. Setiap manusia yang khilaf dalam kehidupannya sentiasa diberikan peluang untuk bertaubat dan membersihkan diri dengan kembali mentaati Allah SWT. Ibu kepada Zainuddin telah banyak membimbing bapanya agar berubah ke arah yang

lebih baik dengan memohon keampunan selain memberikan keampunan kepada mereka yang menganiayai dirinya. Walaupun begitu, mereka yang melakukan kesalahan dan ingin memohon keampunan hendaklah bersungguh-sungguh ingin berubah ke arah yang lebih baik dan berjanji untuk tidak mengulanginya kembali kesilapan lampau. Sesungguhnya setiap amalan itu hendaklah berpandukan niatnya iaitu sesuatu perbuatan harus dilakukan dengan keyakinan dan kesempurnaan demi meraih keredhaan Allah dengan mengetahui apakah amalan yang disukai dan dibenci oleh Allah SWT.

### **b) Percaya kepada perancangan Allah SWT**

Sebagai manusia yang hanya mampu merancang seharusnya kita percaya akan ketentuan yang bakal dikurniakan oleh Allah SWT. Walaupun terdapat cabaran dan dugaan yang kita tempuh dalam kehidupan, kita hendaklah sentiasa yakin akan segala perancangan serta ketentuan Allah SWT itu sememangnya yang terbaik buat hambanya. Sebagai manusia, kita hanya mampu berusaha, berdoa dan tawakkal tetapi segalanya pasti ditentukan oleh Allah SWT. Sesungguhnya setiap ibadah yang kita lakukan pasti mempunyai hikmah yang tersendiri terutamanya jika seseorang itu menunaikan ibadahnya dengan penuh keikhlasan serta rasa patuh kepada perintah Allah SWT maka orang itu akan memperolehi kesan baiknya di kemudian hari. Pernyataan ini telah dibincangkan melalui perbualan antara Zainuddin dan Hayati semasa pertemuan mereka di sawah padi untuk membincangkan perihal hubungan mereka yang tiada hujung pangkalnya oleh kerana kekangan keluarga serta ada tradisi yang dimiliki oleh keluarga Hayati.

#### Petikan 4:

Kalau ada kepercayaanmu demikian, maka Tuhan tidaklah akan menyia-nyiakan engkau. Sembahlah Dia dengan khusyuk, ingat Dia di waktu kita senang, supaya Dia ingat pula kepada kita di waktu sengsara. Dialah yang akan membimbing tanganmu. Dialah yang akan menunjukkan haluan hidup kepadamu. Dialah yang akan menerangi jalan yang gelap.

(Hamka, 2015:62)

Berdasarkan petikan di atas, Zainuddin telah mengatakan bahawa tiada yang mustahil jika kita percaya akan ketentuan Allah SWT semasa memohon keberkatan dariNya. Dia juga menasihati Hayati agar berdoa dengan penuh keikhlasan agar setiap urusan yang bakal kita hadapi sentiasa dipermudahkan. Zainuddin turut menegaskan bahawa kita juga hendaklah mengingati Allah semasa memperolehi kesenangan dan bukan hanya sekadar memohon bantuanNya semasa ditimpa kesusahan kerana Allah akan membimbing tanganmu serta menunjukkan haluan hidup kepadamu. Segala yang disampaikan Zainuddin adalah apabila Hayati meragui perasaannya terhadap hubungan mereka kedepannya kerana dia mempertimbangkan pelbagai isu dan hal yang bakal menjadi halangan kepada mereka. Perkara ini telah ditegaskan oleh Hamka (2015:62) bahawa Allah menjadikan matahari dan memberikanya cahaya, Allah mencipta bunga dan memberinya wangi, Allah yang menjadikan tubuh dan memberinya nyawa dan Allah yang mencipta hati dan memberinya cinta. Oleh itu, perbualan di antara Zainuddin kepada Hayati menunjukkan bahawa kita seharusnya tidak sentiasa mengeluh dan berfikiran negatif kerana ianya dapat mempengaruhi kepercayaan dan keimanan seseorang.

#### **4.1.3 Adat Dan Tradisi Sesebuah Masyarakat Di Dalam Novel TKVDW**

Menurut Zainal Abidin Borhan (1996) adat merupakan sesuatu yang melibatkan wujudnya interaksi antara manusia dan alam. Kewujudan alam juga mempunyai perbezaan yang merujuk kepada beberapa faktor suasana tempat dan mentaliti yang dimiliki oleh sesetengah masyarakat. Masyarakat juga sering bertindak balas terhadap alam yang memberikan gambaran serta corak hubungan antara manusia kepada alam sekitar serta ekologinya. Adat juga dapat diertikan sebagai sebuah peraturan, norma dan undang-undang dalam kehidupan sesuatu masyarakat kerana pada zaman dahulu, ketiadaan ilmu pengetahuan asas akan sesuatu di sekeliling mereka menyebabkan mereka hanya memberikan perhatian terhadap adat dan tradisi yang sedia ada. Manakala tradisi mempunyai maksud yang kurang lebih sama dengan adat iaitu sesuatu kebiasaan yang dikekalkan secara turun temurun dimana masyarakat terdahulu mengamalkan sesuatu yang telah menjadi amalan yang sudah sebatи dalam diri sesetengah orang.

##### **a) Adat Minangkabau yang meletakkan kaum perempuan sebagai pewaris harta keluarga.**

Dalam adat Minangkabau, kaum wanita mempunyai peranan serta kedudukan yang tinggi dalam suku kaum mereka tersendiri. Kaum wanita dalam susunan masyarakat adat Minangkabau mempunyai peranan khas dimana sistem dalam kerabatan mereka adalah secara matrilineal atau menumpukan kepada gadis keturunan dari sebelah ibu mereka. Secara umumnya, sistem matrilineal adalah memberikan hak utama kepada kaum wanita dengan kuasa yang lebih tinggi dari kaum lelaki. Wanita dalam suku

kaum Minangkabau terbahagi kepada beberapa kelompok yang berdasarkan ciri fizik, matang dalam mengawal emosi serta peranannya untuk masyarakat. Kelompok yang pertama adalah *batino* yang merujuk kepada wanita yang baru lahir sehingga kanak-kanak sebelum mereka akil baligh. Kelompok yang kedua adalah *gadih* yang merujuk kepada wanita yang telah mencapai akil baligh tetapi belum menikah. Kelompok yang terakhir digelar *parampuan* iaitu golongan wanita yang sudah berusia dan telah menjadi nenek dalam sebuah kekeluargaan suku Minangkabau. Melalui novel *TKVDW* telah menjelaskan bahawa kaum wanita Minangkabau merupakan tiang utama dan juga sebagai kunci bagi harta pusaka keluarga. Terdapat beberapa adat serta tradisi yang diamalkan di dalam novel tersebut merujuk kepada petikan-petikan di bawah:

Petikan 5:

Menurut adat Minangkabau, amatlah malangnya seorang laki-laki jika tidak mempunyai saudara perempuan, yang akan menjagai harta benda, sawah yang berjenjang, bandar buatan, lumbung berpereng, rumah nan gadang.

(Hamka, 2015:4)

Merujuk kepada petikan di atas, Pandekar Sutan merupakan anak buah kepada Datuk Mantari Labih dan dia juga merupakan kepala waris yang tunggal kepada harta yang ditinggalkan oleh mendiang ibunya. Dalam adat Minangkabau mengatakan bahawa kaum lelaki tidak mempunyai hak terhadap harta-harta yang telah ditinggalkan oleh keluarga mereka melainkan kepada saudara perempuan yang terdekat walaupun harta tersebut merupakan hak milik ibu atau ayah mereka sendiri. Malangnya Pandekar Sutan tidak dibenarkan untuk mengurus harta tersebut apatah

lagi menggunakannya oleh kerana bapak saudaranya berhak penuh kerana mempunyai anak perempuan kerana Pandekar Sutan tidak mempunyai saudara perempuan pada masa itu. Bukan itu sahaja, bapak saudaranya turut mengusir dia dari kampung tersebut.

Hal ini menyebabkan ketidakpuasan Pandekar Sutan terhadap perhitungan yang tidak adil itu dimana bapak saudaranya telah menggadai sawah serta sebuah gong pusaka milik mendiang ibu Pandekar Sutan untuk mengahwini anaknya sendiri. Bapak saudaranya tetap membantah permintaan anak buahnya daripada meminta bahagian dirinya kerana usianya sudah layak berkahwin dan hasil tersebut dapat digunakan sebagai perbelanjaan dia selepas berkahwin kelak. Namun bapak saudaranya tetap dengan pendirianya iaitu mengikut hukum adat Minangkabau bahawa harta-harta yang ditinggalkan mesti jatuh ke tangan mereka yang merupakan satu-satunya saudara perempuan terdekat Pandekar Sutan. Permintaan yang ditolak beserta penghinaan yang dilontarkan menyebabkan Sutan membentak lelaki tersebut sehingga akhirnya terjadi perbalahan yang tragis. Bapa saudara Pandekar Sutan meninggal di tempat kejadian setelah mencuba untuk menyerangnya menggunakan keris tetapi tidak kesampaian kerana Sutan tangkas melawan serangan tersebut.

Walaupun pada masa itu hukum adat sangat berleluasa, Datuk Mantari seharusnya tidak bersikap tamak dengan merebut segala harta yang ditinggalkan seorang ibu kepada anaknya yang sedang dalam proses mendewasakan diri setelah ibu bapanya meninggal sewaktu Sutan masih remaja. Sebagai tertua, dia bertanggungjawab menjaga kebajikan anak muda yang malang dan masih memerlukan perhatian serta kasih sayang

orang di sekelilingnya. Jika dari awal Datuk Mantari tidak mengambil kesempatan terhadap anak yang malang itu, sudah tentu mereka boleh hidup secara harmoni tanpa perlu mengakhiri kehidupan dengan memori hitam yang menyebabkan kisah malang itu berulang sehingga ke anak cucu.

**b) Adat Mengkasar yang memberi kebebasan kaum lelaki untuk membuat keputusan.**

Kaum lelaki mengikut adat Mengkasar membenarkan mereka untuk membuat keputusan sendiri ketika mereka sudah dewasa berbeza dengan adat Minangkabau yang mengutamakan konsep matriarkal manakala kaum Mengkasar pula mengutamakan konsep patriarkal dalam kehidupan seharian mereka. Kaum lelaki dipercayai dapat meneruskan kehidupan dengan melakukan pelbagai jenis pekerjaan tanpa mengira beban yang mereka pikul. Zainuddin telah menyatakan hasratnya untuk pulang ke negeri kelahiran bapanya di Padang kerana hidupnya yang tersisih di negeri kelahirannya sendiri namun malangnya masyarakat Minang adalah kelompok yang berpegang teguh kepada Adat Perpatih dan Adat Temenggung dimana nasab keturunan adalah diwarisi mengikut jalur sebelah ibu kandung. Pernyataan ini dapat dibincangkan melalui perbualan Zainuddin bersama ibu angkatnya sebelum dia pergi meninggalkan wanita tersebut untuk pergi ke tanah kelahiran ayahnya serta asal usul nenek moyangnya di Padang:

#### Petikan 6:

“Anak laki-laki tak boleh dihiraukan panjang, hidupnya ialah buat berjuang, kalau perahunya telah dikayuhnya ke tengah, dia tak boleh surut palang, meskipun bagaimana besar gelombang. Biarkan kemudi patah, biarkan rayar robek, itu lebih mulia daripada membalik haluan pulang”

(Hamka, 2015:21)

Berdasarkan petikan di atas, Zainuddin menjelaskan kepada ibu angkatnya yang menghalang dirinya untuk berhijrah ke Padang untuk mencari keluarga ayahnya kerana Mak Base teringat akan betapa ayahnya tidak dianggap oleh keluarganya sendiri dan berkemungkinan hal ini juga bakal terjadi kepada Zainuddin. Pemuda ini berhasrat untuk melihat tanah moyangnya serta bertujuan untuk menambah ilmu dunia dan akhirat ke tempat yang baik berbanding tempat kelahirannya. Mak Base yang merupakan pengasuhnya semenjak kecil telah dianggap sebagai ibu kerana menjaganya dengan penuh kasih sayang semenjak kehilangan kedua ibu bapanya pada usia yang sangat muda hanya merisaukan nasib yang bakal dilalui oleh anak muda tersebut. Zainuddin meyakinkan wanita tersebut bahawa dia bersedia menempuh segala rintangan dan kesulitan yang bakal dihadapinya di tempat baru kelak kerana sebagai anak lelaki, dia telah berjanji kepada dirinya agar tidak berputus asa walaupun menghadapi kesukaran dan rintangan yang memang dia telah jangka sebelum menjekakan kaki ke tanah Padang tersebut untuk memulakan kehidupan yang baru.

**c) Adat Mengkasar dan Adat Minangkabau yang tidak menerima perkahwinan campur.**

Pada zaman dahulu, perkahwinan campur adalah sesuatu yang sukar ditemukan pada sesetengah suku kerana sudah pasti adat dan tradisi yang berbeza walaupun berasal dari negara yang sama. Kedua Adat Mengkasar dan Adat Minangkabau sangat menentang kepada idea tersebut kerana dianggap melanggar adat bagi suku kaum mereka. Hal ini menyebabkan Zainuddin yang mempunyai dua suku iaitu suku Bugis dari sebelah ibunya tidak diterima baik oleh penduduk di Batipuh yang sangat memementingkan adat. Selain dianggap orang asing di kampung asal bapanya, Zainuddin turut dianggap orang asing di kampung ibunya yang mempunyai alasan yang sama iaitu perkahwinan yang tidak dipersetujui oleh segenap keluarga sehingga memutuskan pertalian keluarga sebelah ibunya. Berikut menunjukkan pernyataan Zainuddin yang sentiasa mempersoalkan kedudukan dirinya bersama warga yang lain.

**Petikan 7:**

Jiwanya sendiri mulai merasa, bahwa meskipun dia anak orang Minangkabau tulen, dia masih dipandang orang pendatang, masih dipandang orang jauh, orang Bugis, orang Mengkasar.

(Hamka, 2015: 25)

Merujuk kepada petikan di atas, Zainuddin yang baru sahaja tiba di kampung asal bapanya telah disambut oleh bakonya yang bermaksud saudara terdekatnya yang tidak menyangka bahawa dirinya mempunyai anak buah yang begitu gagah dan pantas apabila melakukan setiap pekerjaan. Walaupun begitu, Zainuddin digelar “anak pisang” yang menurut Adat Minangkabau adalah status yang tidak diiktiraf dalam suku kaum

mereka. Zainuddin merupakan seorang pengembara yang berasal daripada Mengkasar. Tambahan pula, Zainuddin bukan keturunan Minangkabau yang menyebabkan dia tidak diterima dalam kalangan masyarakat di situ walaupun dia berusaha untuk mengamalkan adat dan budaya orang Minang tetapi dia tetap dianggap bukan saudara. Hal ini kerana menurut amalan masyarakat Minang yang mengutamakan nasab sebelah ibu. Merujuk prpm.dbp.gov.my, matriarkal bermaksud wanita yang menjadi ketua dalam sesuatu keluarga atau suku kaum. Perkara ini ditegaskan oleh Hamka (2015:25), yang menyatakan bahawa adat orang di Minangkabau lain sekali dimana bangsa diambil dari sebelah ibu.

#### **d) Senibina rumah adat Minangkabau**

Senibina merupakan sebuah kategori yang terbahagi kepada seni dan bina. Seni atau *art* merupakan sebuah perkataan Latin yang memfokuskan kepada hasil kerja menggunakan kreativiti tangan atau dari segi ukiran. Menurut Lois Lamya al-Faruqi (1984), definisi bagi seni telah digunakan secara meluas dengan mengkhususkan aktiviti secara teknikal selain kerja tangan melalui proses mengukir. Selain itu, menurut Kamus Dewan Bahasa (2005), perkataan bina merupakan sebuah kesenian yang dimulakan dengan ilmu merancang sebelum membentuk dan membina sesebuah bangunan. Pembinaan sesebuah bangunan juga mementingkan gaya bangunan yang bakal dihasilkan mengikut zaman tertentu selain ianya mempunyai simbol dan makna tersendiri.

Seni bina juga merujuk kepada kemahiran manusia dalam membina sesuatu yang abstrak seperti bangunan-bangunan berlandaskan kreativiti

yang mereka miliki. Berdasarkan sejarah silam, seni bina biasanya mempunyai pertalian yang rapat dengan bangunan-bangunan keagamaan terutamanya tempat beribadat, rumah adat yang pastinya mempengaruhi gaya hidup masyarakat. Seperti yang kita ambil maklum, seni bina bukan saja tertumpu kepada rumah ibadat atau rumah adat sahaja dimana seni bina turut merangkumi tempat tinggal, tempat bekerja dan banyak lagi jenis bangunan yang dibina melalui perancangan pembinaan. Terdapat pernyataan di dalam novel Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck yang telah membincangkan wujudnya seni bina bagi rumah adat bagi masyarakat Minangkabau. Petikan di bawah merujuk kepada fahaman akan ‘Rumah Gadang’ ini mempunyai kaitan dengan adat masyarakat Minangkabau.

Petikan 8:

Rumah ini amat keras memegang adat Lembaga, agaknya turunan Regen atau Tuan Gedang di Batipuh, yang berkembang di Batipuh Atas dan Batipuh Baruh.

(Hamka, 2015:27)

Berdasarkan petikan di atas menunjukkan Zainuddin yang melihat rumah adat yang indah dan kukuh serta berdekatan dengan rumah bakonya (keluarga dari pihak ayahnya). Masyarakat Minangkabau merupakan penduduk asli pada kawasan tanah tinggi di Sumatra tengah. Kebudayaan mereka yang berkonsepkan matriakal iaitu setiap harta dan tanah peninggalan seorang ibu akan diwariskan kepada anak perempuan mereka manakala setiap hal ehwal agama dan politik adalah tanggungjawab kaum lelaki. Dengan masyarakat matrilineal Minangkabau, kebanyakkan wanita akan membina sebuah rumah adat yang dipanggil ‘Rumah Gadang’ dan mereka akan tinggal di sana bersama keluarga yang lain. Senibina rumah

adat ini menurut bentuk adat dan istiadat Minangkabau iaitu bergonjong empat, beratap ijuk yang bertatahkan timah. Terdapat juga anjung peranginan yang terletak di kedua pihak jika dibahagikan kepada dua bahagian. Selain itu, serambi bagi bahagian depan rumah adat itu berfungsi sebagai sebuah kawasan menerima tetamu, makan dan boleh dijadikan sebagai tempat tidur tetamu. Halaman rumah yang luas menjadikannya sebagai tempat menjemurkan padi yang akan ditumbuk dan simbol pedang bersentak yang terletak di bawah gonjong sebelah kiri dan kanan. Jelaslah bahawa senibina rumah adat masyarakat Minangkabau merupakan salah satu simbolik serta keistimewaan bagi adat mereka melalui senibina yang masih mengekalkan konsep tradisionalnya.

**e) Adat Minangkabau memerlukan pertimbangan dari ahli keluarga sebelum menerima pinangan untuk bertunang atau berkahwin.**

Adat dan tradisi merupakan sesuatu yang dipegang kuat oleh masyarakat Minangkabau pada zaman dahulu. Sesetengah perihal yang tertera di dalam peraturan adat terutamanya berkaitan pinangan dari mempelai lelaki untuk bertunang atau berkahwin memerlukan pertimbangan dari tertua dalam keluarga suku tersebut. Kaum wanita tidak mengenali siapa yang bakal menikahi mereka, kaum lelaki yang mempunyai syarat cukup seperti sihat tubuh badan dan pekerjaan yang stabil dapat mencuba nasib mereka untuk menyunting bunga di taman. Walaupun begitu, segala keputusan berkaitan persetujuan untuk menuju ke arah seterusnya memerlukan keputusan dari tertua sama ada mereka bersetuju ataupun tidak. Sistem matriakal dalam adat Minangkabau hanya diberikan hak dalam memiliki harta namun segala perancangan adalah melalui restu tertua dari sukunya

terutama semasa mencari pasangan hidup kerana bagi mereka perjalanan kehidupan selepas berkahwin anak-anak mereka menjadi lebih terjamin. Berdasarkan novel yang telah dipilih, terdapat pernyataan yang menyatakan bahawa kaum Minangkabau tidak akan memberikan keputusan secepat mungkin kerana pertimbangan keputusan adalah daripada sebulat suara dari tertua bagi keluarga yang terlibat seperti yang petikan di bawah:

Petikan 9:

Menurut adat pula, segala permintaan itu belum akan dijawab pada hari sehari itu. Kalau rasa akan berkabul, diberi tangguh orang yang akan datang agak seminggu. Tetapi kalau rasa tak akan terkabul, dalam tiga hari saja hal itu telah dapat diputuskan.

(Hamka, 2015: 130)

Berdasarkan petikan di atas menunjukkan salah satu adat yang terdapat dalam suku kaum Minangkabau pada zaman dahulu. Apabila anak buah atau anak-anak mereka mendapat pinangan daripada mempelai lelaki, sesetengah bapa saudara sebelah ibu pasti tidak akan menghadiri majlis pinangan tersebut agar mereka dapat menangguhkan keputusan dari sebelah pihak mereka. Hal ini dapat dilihat melalui keluarga Hayati yang menggunakan alasan bahawa bapa-bapa saudara sebelah ibunya ramai yang tiada semasa kejadian tersebut berlangsung oleh itu mereka meminta masa untuk memberikan keputusan. Tertua dari suku keluarga Hayati sebenarnya bermaksud untuk memperlihatkan ketinggian adat istiadat yang dipakai oleh keluarga mempelai lelaki atau setinggi mana derajat pusaka yang dijawat secara turun temurun mereka. Hal ini kerana suku kaum Minangkabau meletakkan derajat dan harta kebendaan sebagai pengukur

utama dalam sesuatu perhubungan kerana pemilikan harta akan jatuh kepada anak perempuan mereka jadi pihak lelaki harus mempunyai lebih daripada apa yang mereka miliki.

Engku Datuk yang merupakan bapa saudara kepada Hayati akan mengadakan mesyuarat bersama ketua adat. Mesyuarat tersebut akan diadakan di atas rumah nan gedang dimana mereka akan menyembelih ayam empat ekor, dibentangkan tikar pandan putih sambil menunggu kedatangan tertua yang lain. Pada mesyuarat tersebut, para bapa saudara akan duduk bersama di kepala rumah sebelah hilir manakala kaum wanita akan duduk di kawasan dapur untuk mendengar muafakat tersebut dari jauh. Suami-suami dari anak kemenakan suku tersebut tidak dibenarkan untuk menghadiri mesyuarat suku tersebut walaupun yang bakal berkahwin adalah anak-anak mereka dan mereka hanya akan dimaklumkan setelah pertimbangan diputuskan serta dipersetujui tertua kaum tersebut. Mereka terlihat mengawal kehidupan orang di sekeliling terutama ahli keluarga akan tetapi mereka hanya menginginkan yang terbaik untuk kedua-dua belah pihak. Jelaslah bahawa pertimbangan pinangan untuk bertunang atau berkahwin terletak pada budi bicara tertua suku kaum Minangkabau itu sendiri kerana mempelai lelaki dan keluarganya akan dinilai secara keseluruhan adakah layak diterima atau tidak.

#### **4.1.4 Gaya Hidup Masyarakat Minangkabau Di Dalam Novel TKVDW**

Gaya hidup merupakan sebuah istilah yang telah dicipta oleh seorang ahli psikologi Austria iaitu Alfred Adler pada tahun 1929 dimana pengertian yang lebih luas mengenai minat, pendapat, tingkah laku dan orientasi tingkah

laku bagi sesetengah individu, kumpulan atau budaya. Melalui bidang sosiologi, gaya hidup merujuk kepada cara seseorang individu menjalankan kehidupan sehariannya. Gaya hidup juga dapat dikategorikan kepada dua bahagian iaitu tingkah laku anda sendiri atau individu yang lain dalam perhubungan sosial mereka. Gaya hidup juga menerangkan sikap, nilai dan perilaku sesetengah orang berdasarkan tindakan yang mereka lakukan berdasarkan pemikiran yang logik. Selain itu, istilah gaya hidup juga merujuk kepada sebuah gagasan yang pelbagai dan harus diterima oleh masyarakat walaupun disampaikan melalui sudut pandang yang berbeza. Melalui novel *Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck* karya Hamka, terdapat beberapa gaya hidup masyarakat dalam menjalankan kehidupan mereka dari segi berasaskan fahaman adat dan tradisi atau melalui idea mengubah sudut pandang yang sedia ada dalam melahirkan generasi yang lebih wajar dalam membuat keputusan. Melalui novel ini juga akan menunjukkan gaya hidup masyarakat yang dapat dijadikan panduan hidup dalam memupuk nilai insaniah seseorang individu atau mengkritik gaya hidup sesetengah kaum dan masyarakat dalam novel tersebut.

### a) Masyarakat yang suka tolong-menolong

Amalan tolong menolong adalah merupakan salah satu amalan mulia yang wajar dilakukan oleh setiap orang. Melalui pertolongan yang diberikan mungkin dapat memudahkan urusan sesetengah pihak tanpa kita sedari. Menurut Kamus Dewan (2021), perkataan tolong menolong adalah memberikan bantuan dalam bentuk wang, tenaga, kepakaran dan sebagainya yang dapat meringankan beban mereka yang lebih memerlukan. Terdapat beberapa pernyataan yang membincangkan sebuah

insiden memberikan pertolongan kepada orang lain di dalam novel tersebut melalui petikan berikut:

Petikan 10:

“Berangkat Encik lebih dahulu pulang ke Batipuh, marah mamak dan ibu Encik kelak jika terlambat benar akan pulang, pakailah payung ini, berangkatlah sekarang juga”.

(Hamka, 2015: 30)

Berdasarkan petikan di atas menunjukkan Zainuddin yang telah memberikan pertolongan kepada gadis-gadis yang sedang menunggu hujan reda untuk balik ke rumah. Sekian lama mereka menunggu hujan untuk berhenti akhirnya hampa kerana rintik hujan menjadi semakin lebat diikuti dengan angin yang kencang. Zainuddin yang pada mulanya hanya berniat untuk menemani gadis-gadis tersebut untuk memastikan keselamatan mereka kerana tiada satupun bendi yang melalui kawasan mereka menunggu pada masa itu. Dia telah memberikan payung miliknya kepada Hayati dan temannya kerana tiada tanda hujan akan berhenti dan mereka telah menunggu selama dua jam di tempat tersebut. Zainuddin telah menawarkan pertolongan kepada kedua gadis tersebut agar mereka dapat pulang ke rumah dengan segera supaya tidak dimarahi oleh orang di rumah kerana pulang lewat. Zainuddin sangat memahami penduduk di kawasan tersebut sekian lama dia menetap di daerah itu dimana para gadis diwajibkan menjaga perilaku mereka agar tidak menimbulkan fitnah masyarakat sejagat. Jelaslah bahawa terdapat masyarakat yang suka menolong orang lain di dalam novel tersebut seperti yang dilakukan oleh Zainuddin telah memudahkan urusan mereka untuk pulang ke rumah dalam

keadaan yang lebih selamat walaupun dirinya perlu menunggu sehingga petang untuk hujan berhenti.

### b) Masyarakat yang rajin bekerja

Melalui pembacaan novel, terdapat situasi yang menunjukkan bahawa sesetengah masyarakat perlu bekerja untuk kelangsungan hidup tanpa mengira usia mereka. Selain bekerja untuk menyara kehidupan keluarga, bekerja di sawah padi merupakan salah satu aktiviti harian bagi penduduk di Batipuh dalam mengisi masa lapang. Pernyataan masyarakat yang rajin bekerja merujuk kepada Engku yang merupakan bapa saudara kepada Hayati melalui petikan di bawah:

Petikan 11:

Semasa muda kita harus berusaha sepenuh tenaga,  
sehendaknya di hari tua kita istirahat. Akan beristirahat  
saja, tangan tak mau diam, dia hendak kerja juga.

(Hamka, 2015:36)

Petikan di atas menunjukkan perbualan di antara bapa saudara Hayati dan Zainuddin. Zainuddin yang datang terus membantu orang tua tersebut untuk menyabit padi agar pekerjaan yang tersisa dapat diselesaikan dengan lebih cepat tetapi ditolak oleh Engku yang memintanya untuk menunggu di tepi pematang. Pada mulanya, Engku telah dibantu oleh beberapa anak muda dan mereka meminta izin untuk pulang ke rumah kerana pekerjaan yang hampir selesai setelah mereka bersama melakukan kerja penyabitan padi selama dua hari. Engku merupakan golongan yang rajin bekerja walaupun sudah tua, dia sempat mengadu bahawa dirinya sudah tidak larat untuk melakukan beberapa pekerjaan tetapi kebiasaannya dalam bekerja menyebabkan dirinya tidak dapat berehat walaupun sehari.

Seterusnya, Engku juga menyatakan bahawa selagi dirinya masih mampu melakukan sesuatu dia akan tetap bekerja untuk menolong anak cucunya dalam mencari rezeki. Oleh itu, masyarakat yang rajin bekerja telah ditunjukkan oleh sikap Engku yang rajin mengerjakan sawahnya padi miliknya. Dia telah terbiasa melakukan pekerjaan-pekerjaan di sawah padi tanpa menjadikan usianya yang semakin meningkat sebagai alasan untuknya tidak bekerja. Engku juga menyatakan bahawa tujuannya bekerja adalah untuk menjadikan tubuh badan sentiasa cergas dan sihat kerana aktif bergerak.

### c) Masyarakat yang mendiskriminasikan orang lain

Menurut Sears, Freedman dan Peplau (1999), diskriminasi merujuk kepada sesuatu keadaan yang memberikan layanan yang tidak adil kepada individu tertentu berdasarkan perbezaan asal usul mereka. Amalan diskriminasi ini adalah sesuatu yang biasanya dilakukan oleh masyarakat manusia sendiri disebabkan kecenderungan mereka yang sentiasa membezakan diri mereka dengan individu yang lain akibat kelebihan yang dimiliki. Perbuatan mendiskriminasikan orang lain ini sering kali berlaku melalui isu yang melibatkan perkauman terutamanya yang melibatkan kedudukan seseorang itu dalam status sosial. Melalui petikan di bawah telah membuktikan bahawa terjadinya diskriminasi antara sesetengah masyarakat di dalam novel tersebut.

### Petikan 12:

Meskipun dia dibawa orang bergaul, dia tidak diberi hak duduk di kepala rumah jika terjadi peralatan beradat-adat, sebab dia tidak berhak duduk di situ. Bukanlah orang mencela perangainya, hanya yang dipandang orang kurang ialah bangsanya.

(Hamka, 2015:41-42)

Berdasarkan petikan di atas menunjukkan surat yang ditulis Hayati kepada sahabatnya yang tinggal di Padang Panjang. Tujuan surat tersebut adalah untuk menanyakan khabar sahabatnya di samping menceritakan perihal seorang jejaka yang tidak diterima baik oleh masyarakat di daerah Batipuh. Hayati mengasihani Zainuddin yang bernasib malang walaupun lelaki itu mempunyai akhlak yang baik dan terpuji, dia tetap menerima diskriminasi daripada orang di sekelilingnya. Zainuddin yang datang dari negeri jauh itu tidak mempunyai kerabat yang karib setelah kematian bapanya. Setelah mengenali Hayati, Zainuddin banyak mengadu nasib malangnya yang dihadapinya kepada gadis tersebut dimana bokunya sendiri tidak menganggap dirinya sebagai anak buah. Mereka mempelawa Zainuddin untuk tinggal bersama bukan atas budi bahasa melainkan hanya wang yang diambil kira. Walaupun sudah lama menetap di Batipuh bersama masyarakat Minangkabau, dia tetap dianggap berbeza seakan emas yang tidak dapat bercampur dengan loyang kerana dirinya sering berasa disisihkan walaupun berada di tempat yang sama. Zainuddin berharap agar Hayati dapat menerima hasratnya untuk menjadi sahabat baik kerana hanya gadis itu yang sudi menanyakan khabarnya yang sudah jatuh ditimpa tangga. Jelaslah bahawa petikan di atas menunjukkan masyarakat Minangkabau yang menjadikan perkahwinan campur sebagai isu besar

dalam adat sehingga anak yang terhasil dari perkahwinan tersebut menjadi mangsa diskriminasi.

#### **d) Masyarakat yang mempunyai keterampilan menarik**

Seseorang yang berketerampilan menarik adalah merujuk kepada kemampuan serta kelebihan yang dimiliki olehnya. Berketerampilan mempunyai maksud yang luas tidak kira dari segi seseorang itu melaksanakan segala tugas yang diberikan atau melalui personaliti seseorang itu sehingga disenangi orang di sekelilingnya. Sebuah perbincangan mengenai keterampilan seseorang yang menarik di dalam novel tersebut merujuk kepada perwatakan luaran serta dalaman Hayati yang dibanggakan oleh ahli keluarganya serta orang di sekelilingnya iaitu Zainuddin. Zainuddin telah memuji kecantikan yang dimiliki oleh Hayati di samping sifatnya yang baik serta ikhlas untuk berteman dengannya melalui petikan di bawah:

Petikan 13:

Hayati, engkau sangat cantik. Kecantikanmu itu kadang-kadang yang menyebabkan daku putus asa, mengingat buruk diriku dan buruk untungku.

(Hamka, 2015:56)

Petikan di atas menunjukkan isi hati Zainuddin melalui surat yang ditulisnya untuk Hayati. Hayati bukan sahaja seorang gadis yang cantik tetapi dia juga merupakan seorang gadis yang mempunyai sifat lemah-lembut dan empati yang tinggi. Menurut Banner (1983), penampilan fizikal merupakan salah satu kriteria yang sangat penting kepada kaum wanita berbanding kaum lelaki kerana penampilan merupakan aspek utama yang diambil kira pada masa kini. Seperti yang kita tahu, Zainuddin merupakan

orang luar yang mempunyai darah campuran menyebabkan dirinya disisihkan oleh segelintir penduduk di Batipuh dan hanya Hayati yang sudi menjadi temannya. Perwatakan Hayati yang sungguh berbeza dengan penduduk yang lain telah membuatkan Zainuddin menyimpan perasaan terhadap gadis tersebut sehingga berhasrat untuk menyuntingnya. Zainuddin memahami situasi apabila ketiga suratnya tidak dibalas oleh Hayati kerana perbuatan berkiran surat adalah aib bagi penduduk kampung tersebut terutama sekali apabila ianya melibatkan lelaki dan wanita. Hal ini menunjukkan wanita di daerah Batipuh sangat mementingkan akhlak mereka sebagai wanita di samping mereka mempunyai keterampilan yang menarik. Jelaslah bahawa, Hayati merupakan seorang gadis yang sangat baik selain mempunyai rupa yang cantik, dia juga seorang yang berakhlak tinggi dan jujur dalam sebuah persahabatan menurut surat yang ditulis oleh Zainuddin.

#### e) Penerimaan sistem pendidikan bagi sesetengah masyarakat

Pendidikan adalah sebuah proses pengajaran dan pembelajaran dalam bidang yang khusus. Pendidikan juga mempunyai peranan penting dalam memberikan pengetahuan, kemahiran serta kebijaksanaan kepada sesiapa yang menuntutnya. Selain itu, ilmu pengetahuan yang diperolehi mampu untuk melahirkan individu atau generasi yang lengkap melalui aspek rohani dan jasmani yang penting dalam kehidupan sehari-hari. Di samping pendidikan dapat memupuk rohani dan jasmani, pendidikan juga bertujuan untuk membentuk seseorang insan melalui aspek akal fikiran, akhlak dan perhubungan sosial agar dapat melahirkan manusia yang berakhlak mulia, badan yang cergas, berilmu dan mempunyai kemahiran yang berguna

dalam kerjaya. Melalui beberapa petikan yang terdapat di dalam novel *Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck* karya Hamka, terdapat beberapa masyarakat yang mementingkan pendidikan untuk masyarakat dan terdapat juga masyarakat yang menentang pendidikan bagi kaum wanita.

Petikan 14:

Karena dalam tahun 1916, Tuan Zainuddin Labay mendirikan Sekolah Diniyah, satu sekolah agama yang mula-mula di Sumatra Barat, timbalan dari Sekolah Adabiyah di Padang.

(Hamka, 2015:90)

Berdasarkan petikan di atas menunjukkan bahawa Zainuddin adalah seorang yang sangat mementingkan pendidikan terutama sekali kepada para generasi muda. Pendidikan dalam bidang keagamaan bukan sahaja dilakukan oleh Zainuddin tetapi terdapat juga individu lain yang telah mengikut jejaknya membina sekolah agama di daerah Sumatra tersebut. Sebagai contoh, kebijaksanaan seorang guru muda yang bernama Hasyim telah mendirikan Thawalib iaitu murid-murid dari Tuan Guru Haji Rasul yang dahulunya menjalankan sistem pembelajaran pondok dimana konsep pembelajaran tersebut telah ditukarkan kepada aturan sekolah. Oleh itu, terbuktilah bahawa usaha mereka yang mewujudkan tempat menuntut ilmu yang lebih selesa kepada penduduk setempat terutamanya golongan muda telah membawa hasil. Padang Panjang yang lengang setelah mengalami krisis perniagaan selepas berlakunya Perang Dunia telah kembali meriah apabila pekan tersebut mula dipenuhi oleh murid-murid mengaji, murid sekolah dan murid Sekolah Normaal yang datang dari seluruh Sumatra untuk menuntut ilmu dimana mereka hanya keluar sekali seminggu apabila rumah-rumah yang kosong mula dipenuhi oleh mereka.

Jelaslah bahawa pendidikan adalah sesuatu yang seharusnya dipupuk dari usia muda lagi agar dapat melahirkan insan-insan yang lebih berguna dan mampu membuat keputusan yang wajar dalam kehidupan mereka.

Walaupun ilmu pengetahuan mempunyai peranan yang penting dalam kehidupan seharian manusia, terdapat juga masyarakat yang kurang bersetuju jika pendidikan disampaikan kepada kaum wanita. Segelintir masyarakat Minangkabau di Batipuh tidak mewajibkan kaum wanita untuk menerima pendidikan kerana dianggap akan melakukan sesuatu yang tidak bermoral seperti petikan di bawah:

Petikan 15:

...itulah bahaya anak kemenakan diserahkan ke sekolah- kata mereka- sudah pandai dia berkirim-kiriman surat dengan laki-laki, padahal bukan jodohnya.

(Hamka, 2015: 68)

Merujuk kepada petikan di atas menunjukkan perbualan antara bapa saudara Hayati dan Zainuddin dimana orang tua tersebut meminta Zainuddin untuk meninggalkan daerah mereka apabila perihal berkiranman surat dan saling berpandangan dua anak muda itu telah tersebar di kampung tersebut. Engku berpendapat bahawa pendidikan yang diterima oleh kaum wanita seperti mengenal huruf dan abjad telah memberikan impak yang negatif kepada mereka. Hasrat bapa saudara Hayati juga adalah ingin mengelakkan kedua-dua mereka difitnah oleh penduduk setempat kerana Hayati dipandang sebagai bunga di dalam persukuannya. Selain itu, Engku juga ingin menjaga nama baiknya serta gelaran pusaka turun-temurun agar tidak dipertikaikan oleh penduduk setempat kerana dikira tidak dapat mengatur kelakukan anak buahnya. Terbuktilah bahawa,

orang seperti bapa saudara Hayati sanggup menggunakan alasan penerimaan pendidikan sangat tidak wajar diberikan kepada kaum wanita apabila mereka sudah mengerti untuk menulis surat dan sebagainya adalah sesuatu yang tidak baik walhal dirinya hanyalah bersikap mementingkan diri sendiri.

#### **f) Masyarakat yang mementingkan darjat dalam kehidupan**

Menurut prpm.dbp.gov.my, darjat merupakan sesuatu tingkatan atau taraf kedudukan dalam sistem sosial masyarakat yang biasanya ditentukan atau dipengaruhi oleh asal usul, keturunan, kekayaan dan sebagainya dalam menjadi kayu ukur dalam perhubungan kaum manusia pada masa kini. Konsep ini adalah merupakan gambaran layanan yang diterima oleh sesetengah kumpulan manusia menerusi layanan yang tidak adil dan bersifat berat sebelah. Melalui pembacaan novel yang telah dipilih, terdapat segelintir masyarakat dari kaum Mengkasar dan kaum Minangkabau yang sangat mementingkan darjat dalam memberikan pertimbangan atau semasa membuat keputusan. Ketidakadilan dari aturan kaum-kaum ini telah mengakibatkan sesetengah orang yang baik akhlaknya tetap dipandang serong kerana tidak lahir dalam keluarga seperti mereka. Hal ini telah dibincangkan melalui situasi yang dialami oleh Zainuddin yang telah mengundang murka penduduk di kampung Batipuh berdasarkan petikan di bawah:

Petikan 16:

Bagi mereka adalah perbuatan demikian, merendahkan derajat mereka seakan-akan kampung tak berpenjaga.

(Hamka, 2015: 67)

Merujuk kepada petikan di atas menunjukkan Engku yang merupakan bapa saudara kepada Hayati menjelaskan bahawa perbuatan Zainuddin dan Hayati seharusnya tidak berlaku. Setelah kedua anak muda tersebut meluahkan perasaan cinta mereka, penduduk Kampung Batipuh mula membicarakan perkara yang kurang baik terjadi di antara Zainuddin dan Hayati kerana mereka tidak bersetuju dan percaya akan ikatan percintaan yang suci. Penduduk di dusun tersebut berasa marah kerana Hayati seakan-akan tidak diajar untuk berakhlak mulia oleh ahli keluarganya menyebabkan Engku meminta Zainuddin untuk pergi dari dusun tersebut agar dapat menjaga kehormatan Hayati dan ahli keluarganya. Walaupun kedua anak tersebut tidak melakukan kesalahan, mereka tetap tidak dapat menepis segala fitnah dan andaian yang telah tersebar. Sebelum meninggalkan kampung tersebut, Zainuddin sempat mengatakan bahawa perasaannya terhadap Hayati adalah tulus sehingga dia berniat untuk menyunting gadis itu menjadi isterinya. Malangnya, permintaan itu telah ditolak oleh bapa saudara kepada Hayati kerana perbezaan status kekeluargaan yang sungguh ketara.

Zainuddin sedar bahawa dirinya adalah seseorang yang tidak mempunyai suku oleh kerana dia lahir dari ibu bapa yang berlainan suku. Selain itu, perkara-perkara yang dipertimbangkan oleh Zainuddin akan dirinya merupakan anak orang terbuang dan dipandang tidak sah dalam adat Minangkabau walaupun ibu bapanya sudah berkahwin secara sah di sisi

agama. Berbeza dengan Hayati yang merupakan seorang anak bangsawan, turunan penghulu-penghulu pucuk bulat urat tunggang yang berpendam perkuburan dan bersasap berjerami di dalam negeri Batipuh. Hal ini telah membuatkan Zainuddin berputus asa untuk mempertahankan hubungan mereka kerana tidak sanggup melihat Hayati mengalami penderitaan di kemudian hari jika mereka berkahwin kelak. Jelaslah bahawa masyarakat Minangkabau sangat mementingkan derajat dalam menentukan kehidupan anak-anak mereka agar tidak terpesong dari ajaran adat sehingga perbuatan tersebut jelas melakukan diskriminasi terhadap Zainuddin yang malang.

### **g) Masyarakat yang bekerja sebagai penulis**

Penulis merujuk kepada seseorang individu yang mencipta sesuatu karya dengan mengilhamkan idea jalan cerita, plot-plot di dalam cerita atau kandungan buku yang bakal ditulis berbeza. Dalam bidang kepengarangan, bidang penulis ialah individu yang menulis buku, artikel, novel dan sebagainya dengan berpandukan pengalaman yang mereka alami atau melihat situasi secara langsung. Kepengarangan juga merupakan sesuatu keterampilan serta kebijaksanaan seseorang pengarang ketika mereka mengolah cerita dimana karya yang dihasilkan biasanya akan menerangkan peribadi pengarang itu sendiri dari segi kekuatan, keistimewaan atau kelemahan dalam karyanya. Menurut Morris (1993), setiap penulis memiliki gaya yang unik dan berbeza kerana sebuah kejayaan dalam bidang penulisan di samping bertujuan untuk memasarkan jenama diri serta karya bergantung kepada keunikan atau kelainan yang ditampilkan dalam karya-karyanya. Kelainan yang cuba ditampilkan oleh

penulis itu adalah sebagai langkah untuk mencipta imej dan lantas mengundang keterujaan Khalayak untuk mendekati dunia kreativitinya. Aktiviti dalam kepengarangan bukan sahaja memaparkan kisah-kisah manusia tetapi turut merangkumi jiwa, roh dan batin yang berkaitan pada logik seninya yang membawa pemikiran Khalayak dalam menghayati karya-karya yang dihasilkan. Sesuatu idea penulisan adalah berdasarkan lintasan-lintasan idea dalam pemikiran penulis tersebut yang diperolehi melalui sumber rujukan yang bersifat langsung dan tidak langsung. Rujukan secara langsung adalah melalui buku-buku, televisyen, radio, pemerhatian atau sebagainya manakala rujukan secara tidak langsung pula merupakan imbasan-imbasan kembali terhadap pengalaman yang pernah dilaluinya yang selama ini tersimpan dalam pemikirannya dan mengumpulkan ingatan-ingatan tersebut menjadi idea sebelum dikonkritkan ke dalam bentuk tulisan.

Terdapat masyarakat yang telah melakukan pekerjaan sebagai seorang penulis di dalam novel yang dipilih iaitu watak Zainuddin yang telah memulakan kehidupan baharunya dengan menjadi seorang penulis. Zainuddin mempunyai jiwa kepengarangan yang tinggi walaupun pada masa itu tidak banyak orang yang melibatkan diri dalam bidang tersebut. Menurut pernyataan Hamka dalam novel *TKVDW* (2015: 200), kesusasteraan pada masa itu kurang dikenali lagi di Tanah Indonesia kerana ilmu mengarang itu seharusnya dipelajari dengan menjadikan karya-karya yang sedia ada sebagai panduan. Walaupun begitu, Zainuddin yang telah berpindah ke Jakarta bersama sahabatnya mula menghabiskan semua karangannya yang terbengkalai terutamanya dalam cerita hikayat.

Dia telah mengirim karya-karya tersebut kepada surat khabar harian serta mingguan dan Zainuddin sangat beruntung apabila karyanya telah diterima baik oleh khalayak menerusi petikan di bawah:

Petikan 17:

Rupanya karangan-karangannya itu mendapat tempat yang baik, karena halus susun bahasanya dan diberi orang honorarium meskipun kecil. Lantaran penerimaan orang yang demikian, hatinya bertambah giat dan semangatnya makin bangun. Sehingga di dalam masa yang belum cukup setahun, karangan-karangannya telah banyak tersiar.

(Hamka, 2015:200)

Menerusi petikan di atas menunjukkan Zainuddin yang telah berjaya menjadi salah seorang pengarang yang digemari oleh khalayak. Cerita-cerita yang dihasilkan olehnya telah berjaya menarik hati ramai pembaca setelah disiarkan oleh pihak akhbar setiap hari sabtu dengan menggunakan abjad "Z" sebagai nama pena. Zainuddin tidak menyangka bahawa cerita-cerita yang dikarangnya amat diminati oleh orang ramai kerana dia pernah mencuba untuk menghentikan pengiriman karyanya kepada pihak penerbit namun dirinya telah menerima surat dari hopredaktur yang meminta cerita-cerita baru oleh kerana desakan dari pihak pelanggan. Pada titik permulaan dalam bidang kepengarangan, Zainuddin sendiri yang mendatangi pejabat surat khabar tersebut untuk menghantar cerita yang ditulisnya dimana setelah dikenali sebagai penulis "Z" pekerja dari pejabat itu sendiri yang datang menjumpainya untuk mendapatkan karangan terbaru darinya. Selain menjadi salah satu penulis yang digemari, Zainuddin turut mendapat tawaran bekerja di salah satu syarikat surat khabar namun telah menolak

tawaran tersebut kerana berhasrat untuk membangunkan syarikatnya sendiri.

Zainuddin bersama Muluk telah berpindah ke Surabaya yang lebih berdekatan dengan negeri kelahirannya iaitu Mengkasar oleh kerana penerbitan buku-buku penempatan barunya itu masih sepi dan ingin mengeluarkan buku-buku hikayat yang telah dihasilkannya menggunakan modalnya sendiri agar diterbitkan atau dikirim ke seluruh Indonesia. Di samping itu, Zainuddin juga berharap agar buku-buku yang diciptanya dapat menanamkan bibit persatuan rakyat dari segenap kepulauan tanah airnya, meninggikan kecerdasan kaum perempuan, menghapuskan adat-adat yang telah lapuk dan menegakkan kemajuan sepadan dengan bangsanya. Zainuddin telah menjadikan dirinya sebagai watak utama di dalam ceritanya apabila menceritakan kehidupannya yang malang sejak dirinya masih kanak-kanak sehingga menjadi dewasa yang berkemungkinan dialami oleh sesetengah orang selain dirinya. Jelaslah bahawa, aktiviti kepengarangan pada masa itu telah memberikan keuntungan kepada Zainuddin apabila dirinya mendadak menjadi penulis terkenal oleh kerana bakatnya dalam menghasilkan cerita hikayat. Zainuddin berani untuk melakukan pembaharuan kepada masyarakat di sekelilingnya dengan menceburि bidang penulisan walaupun perhatian untuk memperindah bahasa negerinya masih baru dan sulit untuk ditempuhi namun dia berjaya membuktikan kebolehan yang dimilikinya kepada khalayak. Zainuddin juga telah banyak membantu ramai orang terutamanya mereka yang fakir di negeri Surabaya untuk mengelakkan golongan tersebut direndahkan oleh mereka yang tidak berperikemanusiaan.

#### 4.1.5 Jenis Bahasa Yang Digunakan Di Dalam novel *TKVDW*

Definisi bahasa menurut Kamus Dewan Edisi Ketiga (1996) menjelaskan bahawa bahasa ialah sistem lambang bunyi suara yang digunakan sebagai alat perhubungan dalam sesuatu kelompok manusia untuk melahirkan perasaan dan fikiran mereka. Perkataan yang disusun pula adalah berlandaskan tatabahasa yang betul dan digunakan dalam pertuturan sehari-hari atau dalam sistem penulisan. Menurut Holmes (2002), sebuah pertuturan adalah sebuah proses yang mencerminkan kita sendiri malah dapat sesetengah orang akan dapat mengetahui jenis pekerjaan atau profesi yang kita lakukan, tahap pendidikan seseorang dan kedudukan kita dalam status sosial. Selain itu, Kamus Besar Bahasa Indonesia Edisi Kedua (1999) menyatakan bahawa bahasa merupakan lambang arbitri yang digunakan oleh segelintir masyarakat untuk bekerjasama, berinteraksi serta memperkenalkan diri mereka kepada khalayak. Sebuah pertuturan juga dipengaruhi oleh bunyi serta penyampaian namun jika bunyinya terdengar tidak berstruktur atau tidak mempunyai makna maka bunyi tersebut bukanlah tergolong dalam bahasa.

Berdasarkan pembacaan novel *Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck*, bahasa yang digunakan adalah campuran bahasa suku Mengkassar dan suku Minangkabau. Sebagai pengkaji, terdapat banyak bahasa baru yang saya perolehi dari novel yang dipilih dimana suku yang berbeza turut mempunyai keunikkan mereka tersendiri terutamanya dari segi bahasa. Selain dari bahasa pertuturan dari kedua suku kaum tersebut, terdapat juga bahasa Indonesia di dalam novel tersebut memandangkan penulis bagi novel ini merupakan penulis yang berasal dari Indonesia. Merujuk kepada

Jadual 1 di bawah, pengkaji akan meletakkan beberapa bahasa yang unik serta jarang didengar oleh masyarakat Malaysia untuk pengetahuan bersama.

**Jadual 1:** Contoh bahasa Minangkabau yang digunakan

Bil.	Contoh Perkataan	Maksud perkataan
1.	Kompeni	Merujuk kepada persekutuan dagang Belanda yang menjajah Indonesia dari pertengahan abad ke-17 sampai abad ke-19 selain merujuk kepada pemerintah Belanda.
2.	Dijorokkan	Menunjukkan sesuatu yang kotor, tidak sopan dan bersifat cabul.
3.	Dunsanak	Panggilan untuk saudara perempuan.
4.	Anggar	Sebuah gudang yang terletak di perlabuhan.
5.	Talang Perindu	Merujuk kepada bunyi-bunyian yang dibuat daripada buluh yang mengeluarkan bunyi dengan sendirinya apabila ditiup oleh angin.
6.	Kemenakan	Panggilan untuk anak saudara.
7.	Lumbung berjenjang	Merupakan sebuah tempat untuk menyimpan hasil pertanian, biasanya padi yang bertingkat-tingkat.

8.	Mamak ninik	Panggilan untuk penghulu adat bagi suku Minangkabau.
9.	Mamak	Panggilan untuk bapa saudara sebelah ibu bagi suku Minangkabau.
10.	Tumpak	Sebuah kawasan besar yang terdiri daripada beberapa kawasan yang lebih kecil.
11.	Mengagun	Bermaksud mencagarkan sesuatu atau menjadikan sesuatu sebagai jaminan.
13.	Pembuangan Cilacap	Sebuah nama tempat bagi mereka yang telah dibuang negeri.
13.	Orang-orang berantai	Panggilan untuk banduan-banduan.
14.	Dibarutnyalah	Merujuk kepada perlakuan menggosok atau menyapu.
15.	Anak pisang	Panggilan atau gelaran kepada anak daripada keluarga sebelah bapa.
16.	Makan lohor	Sebuah perbuatan iaitu makan tengah hari atau makan semasa waktu zohor.
17.	Bakonya	Merujuk kepada keluarga dari pihak bapa bagi suku Minangkabau.
18.	Lepau	Merujuk kepada binaan tambahan pada rumah (di sebelah belakang) atau serambi dapur.

19.	Mandehnya	Panggilan atau gelaran ibu atau emak bagi suku Minangkabau.
20.	Mengirik	Menunjukkan proses menekan dengan kaki atau memijak untuk memisahkan padi dari tangkainya.
21.	Tebung kopi	Merujuk kepada tongkat yang diperbuat daripada kayu kopi.
22.	Rasam basi	Bermaksud sebuah adat lama bagi suku Minangkabau.
23.	Vonis	Perkataan lain bagi proses menghukum atau sebuah hukuman.
24.	Kecimus bibir	Menyatakan perbuatan seperti cemuhan (mengejek) sambal mencebikkan bibir.
25.	Berhindu	Merujuk kepada orang yang mempunyai nenek moyang (kaum keluarga) yang mempunyai pertalian darah.
26.	Bersuji	Sebuah kerja tangan yang dilakukan seperti bersulam atau bertekat.
27.	Berpentalon	Panggilan atau gelaran bagi orang-orang yang terkemuka, jaguh atau penganjur.
28.	Rembukan	Merujuk kepada sebuah pembicaraan, permuafakatan dan perundingan.
29.	Tonil	Sebuah sandiwara yang melakonkan atau menyandiwarakan.

30.	Berbintalak	Nama lain bagi sawah bagi suku Minangkabau.
31.	Keteledoran	Merujuk kepada kecuaihan, kelalaian dan kelengahan dalam melakukan sesuatu.
32.	Jongos	Gelaran bagi orang-orang suruhan.
33.	Digarakan	Menyatakan sebuah perbuatan yang mengurus atau menjaga sesuatu.
34.	Mentereng	Bahasa lain dalam suku Minangkabau berkaitan pakaian seragam.
35.	Markonis	Merujuk kepada orang-orang yang menguruskan telekomunikasi di kapal.
36.	Parewa	Merupakan golongan orang muda di Minangkabau yang digelar "Parewa". Mereka juga tidak akan menganggu atau mencampuri urusan keluarga dimana hidup mereka ialah dari berjudi, menyabung dan sebagainya. Mereka juga berkebolehan dalam pencak dan silat serta berperanan kuat demi mempertahankan kehormatan nama suku dan kampung.

## BAB 5

### RUMUSAN DAN CADANGAN

#### 5.0 Pengenalan

Bab 5 merupakan bab yang terakhir untuk dimasukkan ke dalam kajian penuh pengkaji setelah selesai mengumpulkan beberapa analisis berkaitan sosiobudaya yang dipecahkan kepada beberapa aspek pencarian seperti kepercayaan dan agama, laras bahasa yang digunakan, adat serta tradisi sesetengah masyarakat dan terakhir sekali ialah gaya hidup masyarakat di dalam novel. Bab ini juga bertujuan untuk membincangkan rumusan akan dapatan kajian dalam bab empat yang telah diperolehi dalam menganalisis teks novel *Tenggelamnya Kapal Van der Wijck* karya Hamka. Antara perkara-perkara yang akan dibincangkan pada bab ini ialah rumusan analisis, cadangan bagi penyelidikan pada masa akan datang seterusnya diakhiri dengan kesimpulan keseluruhan dapatan kajian. Pengkaji telah mendapati terdapat banyak aspek sosiobudaya yang dipraktikkan di dalam novel tersebut dan penyelidikan menjadi mudah apabila isi novel menyediakan maklumat secara terperinci.

Melalui bab ini juga, terdapat perbincangan yang dapat pengkaji kongsikan kepada para pembaca akan isi penting novel yang banyak membincangkan perihal masyarakat tradisional pada zaman dahulu terutama masyarakat yang berasal dari suku kaum Minangkabau dalam menjalankan kehidupan seharian mereka. Hal ini demikian, pencarian maklumat menjadi lebih mudah apabila pembacaan novel telah banyak membantu pengkaji untuk mendapatkan isu utama dalam aspek sosiobudaya beserta contoh yang konkret untuk membuktikan kesahihan bagi pernyataan yang telah diusulkan. Rumusan

bagi setiap analisis adalah bertujuan untuk memudahkan pembaca agar mengetahui keseluruhan isi bagi setiap subtopik analisis kajian manakala cadangan pula adalah untuk menyuarakan pendapat pengkaji untuk tujuan penambahbaikan sekiranya terdapat pengkaji pada masa akan datang berminat untuk mengkaji novel yang sama tetapi melalui pendekatan yang berbeza.

### 5.1 Rumusan

Secara rumusannya, pengaruh sosiobudaya yang ditunjukkan dalam subtopik analisis yang pertama ialah dari segi kepercayaan dan agama yang telah wujud pada masa itu walaupun pengetahuan akan agama tidak terlalu meluas oleh kerana masih terdapat segelintir masyarakat yang tidak didedahkan dengan amalan-amalan keagamaan yang wajar mereka ketahui. Di samping itu, analisis ini juga mengetengahkan beberapa masyarakat yang masih mempercayai mitos-mitos di sekeliling mereka dengan menceritakan kembali mitos tersebut kepada generasi muda. Berdasarkan analisis ini juga telah menjelaskan bahawa terdapat masyarakat Mengkasar yang masih percaya terhadap perkara yang boleh dianggap sebagai takhyul yang kerana cerita mitos dapat dikategorikan sebagai cerita lisan yang disampaikan melalui penceritaan mulut ke mulut sehingga akhirnya cerita tersebut tidak mempunyai keasliannya lagi kerana telah ditokok tambah. Para tertua pada zaman dahulu menyampaikan cerita yang mempunyai unsur takhyul oleh kerana ketiadaan ajaran berkaitan agama pada masa itu menyebabkan cerita mitos itu berlangsung dari generasi ke generasi. Pengkaji percaya kemungkinan tujuan para tertua pada zaman dahulu menambahkan watak-watak makhluk ghaib di dalam cerita mereka ialah untuk tujuan menakutkan masyarakat setempat agar sentiasa menjaga perilaku mereka. Selain itu, penduduk Mengkasar terdahulu mungkin terikat dengan

bentuk-bentuk keindahan alam yang wujudnya seperti makhluk-makhluk ghaib terutama watak naga hitam yang dinyatakan pada petikan 2. Para tertua suku Mengkasar pada zaman dahulu juga memberikan nama yang unik kepada buluh-buluh yang tumbuh meliar di kawasan Gunung Merapi disebabkan bunyi yang dihasilkan oleh buluh tersebut walhal buluh memang akan berbunyi sekiranya dititiup angin yang kuat. Pada masa kini, terdapat beberapa masyarakat dari pelbagai suku yang masih percaya akan cerita mitos namun kita seharusnya menjadikan cerita yang berunsur takhyul tersebut hanya sebatas hiburan kerana tiada bukti yang sahih dapat menjelaskan keaslian cerita-cerita tersebut.

Di samping itu, subtopik bagi analisis yang kedua juga menunjukkan masyarakat yang telah mempunyai pengetahuan akan keagamaan terutama sekali agama Islam. Berbeza dengan rumusan yang dibincangkan sebentar tadi telah membuktikan bahawa ajaran agama Islam telahpun diperkenalkan kepada masyarakat setempat. Kewujudan agama Islam di Indonesia sudah semestinya berawal dari aktiviti berdagang dimana saudagar-saudagar dari luar telah menyampaikan ilmu agama dan kepentingannya kepada penduduk setempat semasa menjalankan aktiviti menjual beli. Dalam masyarakat Mengkasar, golongan bangsawan adalah golongan yang terawal menerima ajaran agama Islam sebelum ajaran tersebut mula tersebar ke seluruh negeri. Pengetahuan akan ajaran serta amalan agama memainkan peranan yang sangat penting dalam memupuk masyarakat setempat untuk lebih mengenali kebesaran Allah SWT kepada kehidupan mereka.

Pengetahuan berkaitan agama yang terdapat di dalam analisis menunjukkan perwatakan ibu Zainuddin yang telah membimbing bapanya untuk menjadi insan yang lebih baik terlepas dari khilaf lampau yang telah terjadi.

Walaupun seharusnya tanggungjawab membimbing adalah peranan utama bagi kaum lelaki berbanding wanita, pengkaji mendapati penulis karya ingin menyampaikan bahawa kaum wanita juga mampu untuk memimpin orang di sekeliling mereka. Berbekalkan ilmu yang dimiliki serta diwarisi daripada keluarga secara turun-temurun, Daeng Habibah telah memberikan tunjuk ajar kepada suaminya bagaimana untuk menunaikan solat serta pentingnya kesungguhan memohon keredhaan daripada Allah SWT untuk mengampuni segala dosa-dosa yang segaja atau tidak disengajakan. Hal lain yang merujuk kepada perilaku keagamaan dalam novel tersebut adalah dimana Zainuddin telah meminta kekasihnya Hayati untuk berdoa kepada Allah SWT tanpa mengira situasi yang dialami seperti suasana hati gembira atau bersedih. Sesungguhnya ajaran agama membawa seribu satu keindahan sekiranya kita menjadi umat agama Islam yang mulia dan sentiasa memuji kebesaranNya dalam kehidupan manusia pada masa itu sehingga pada masa sekarang.

Selain itu, rumusan bagi subtopik yang kedua bagi analisis dapatan kajian pada bab sebelumnya ialah berkaitan adat dan tradisi sesuatu masyarakat. Adat membawa maksud sebuah peraturan, norma kehidupan masyarakat setempat serta undang-undang yang bertindak sebagai salah satu panduan masyarakat dalam menjalankan kehidupan mereka. Seperti yang dinyatakan oleh pengkaji, terdapat dua suku utama yang telah diceritakan di dalam novel tersebut iaitu suku Mengkasar dan suku Minangkabau yang sudah semestinya mempunyai peraturan yang tidak terlalu ketara perbezaannya. Masyarakat terdahulu terutamanya suku Minangkabau sangat berpegang teguh kepada adat suku mereka dalam sistem pembahagian harta warisan atau peraturan sebelum menjalankan upacara perkahwinan. Para tertua bagi suku Minangkabau amat

menitikberatkan perihal adat serta tradisi kepada golongan muda bagi suku mereka untuk mengelakkan permasalahan-permasalahan di kemudian hari. Pengkaji mendapati bahawa sosiobudaya bagi analisis ini sedikit sebanyak memudaratkan golongan muda kerana para tertua sentiasa menitikberatkan kepentingan dalam memelihara adat serta tradisi mereka. Hal ini demikian telah mewujudkan sesuatu beban yang harus mereka pikul agar mengecapi kehidupan yang sempurna namun segala yang dilakukan oleh para tertua di dalam novel tersebut menjurus kepada sikap mementingkan diri sendiri. Mereka berselindung di sebalik adat untuk meraih keuntungan tanpa memikirkan kehidupan orang lain terutama sekali dalam kalangan ahli keluarga. Mengelakkan peraturan adat yang sedia ada adalah perkara yang terpuji namun para tertua seharusnya tidak mengambil kesempatan terhadap anak-anak mereka dengan mengharapkan mereka sentiasa patuh akan segala teguran yang kononnya bertujuan untuk sentiasa menjaga nama baik mereka. Jelaslah bahawa suku kaum Minangkabau adalah suku yang tegas dalam pelaksaan adat serta tradisi dalam kehidupan mereka dan telah ditunjukkan melalui beberapa petikan yang terdapat di dalam novel.

Di samping itu, rumusan subtopik yang ketiga bagi analisis kajian ialah merujuk kepada gaya hidup masyarakat di dalam novel tersebut. Terdapat beberapa aspek gaya hidup masyarakat yang menunjukkan bagaimana mereka menjalankan kehidupan seharian seperti pekerjaan yang dilakukan, sifat individu atau kelompok dan sebagainya. Melalui pendekatan sosiologi, masyarakat bebas untuk mengekspresikan diri mereka melalui sudut pandang yang berbeza tanpa mengira perilaku tersebut berunsur negatif atau positif supaya pembaca dapat mengenalpasti variasi masyarakat lain. Pengkaji juga memberikan kebebasan

kepada pembaca untuk menilai sendiri perspektif mereka mengenai gaya hidup masyarakat dalam novel tersebut adakah memberi kebaikan atau menuai kritikan dari pihak pembaca.

Rumusan bagi subtopik yang terakhir bagi analisis kajian ialah merujuk kepada jenis bahasa yang digunakan di dalam novel tersebut. Seperti yang kita ambil maklum, terdapat pelbagai jenis bahasa yang digunakan di seluruh dunia untuk tujuan berkomunikasi. Jenis bahasa yang digunakan bagi penulisan novel ini adalah campuran Bahasa Indonesia dan Bahasa Melayu memandangkan penulis novel berasal dari negara Indonesia. Perisian novel ini juga memaparkan jenis bahasa suku Minangkabau yang banyak diselitkan dalam beberapa perbualan watak semasa bersemuka atau penggunaannya semasa menulis surat. Namun begitu, penulis buku iaitu Hamka masih menerapkan pengunaan jenis bahasa yang mudah untuk difahami dan beliau turut menyediakan glosari bagi perkataan-perkataan yang jarang digunakan atau kurang difahami.

## 5.2 Cadangan

Pada bahagian ini, pengkaji akan memberikan beberapa cadangan dan penambahbaikan untuk kajian pengkaji yang memfokuskan aspek sosiobudaya yang terdapat dalam novel *Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck* karya Hamka dengan mengaplikasikan Teori Sosiologi. Tujuan cadangan ini diberi adalah untuk memastikan pengkaji boleh membaiki dan menghasilkan kajian yang lebih baik selain menjadi rujukan kajian pada masa akan datang. Berdasarkan kepada analisis dapatan kajian, pengkaji telah mengemukakan beberapa cadangan yang memberikan keutamaan serta idea kepada pengkaji akan datang berkenaan novel pilihan kerana pelbagai aspek yang dapat dikupas melalui novel tersebut.

Merujuk kepada analisis yang telah diperolehi, pengkaji mendapati bahawa novel *Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck* mempunyai perisian yang menepati objektif kajian iaitu kepelbagaian sosiobudaya masyarakat dalam menjalankan kehidupan seharian. Cadangan saya yang pertama untuk penambahbaikan kajian menggunakan novel ini ialah menggalakkan pengkaji-pengkaji akan datang untuk menjalankan kajian melalui kaedah menemu bual secara langsung masyarakat yang terdiri daripada suku kaum Minangkabau. Walaupun suku kaum Minang berasal daripada negara Indonesia dan lebih dominan di negara tersebut, saya percaya terdapat juga sesetengah suku kaum Minang serta kaum Mengkasar yang menetap di Malaysia yang biasanya wujud kerana perkahwinan campur di antara dua negara tersebut.

Cadangan ini bertujuan untuk mengenalpasti adakah adat-adat serta budaya suku kaum Minang yang dinyatakan dalam novel *TKVDW* masih diamalkan atau sudah menerima perubahan. Pengkaji akan datang semestinya memperolehi pelbagai manfaat yang berguna kerana selain maklumat yang disediakan oleh buku, mereka dapat mempelajari budaya masyarakat lain dengan lebih terperinci. Hal ini demikian kerana setelah membaca keseluruhan isi novel, pengkaji mendapati penulis novel banyak mengetengahkan adat resam serta budaya masyarakat Minang yang agak unik. Oleh itu, saya menyokong sekiranya pengkaji akan datang melakukan kajian dengan menambahkan kaedah menemu bual untuk melihat perbandingan yang berlaku seiring masa berlalu. Pengkaji akan datang seharusnya hanya membataskan novel pilihan sebagai salah satu sumber rujukan sahaja dan tidak sepenuhnya bergantung kepada buku tersebut kerana berbalik kepada idea yang dikemukakan oleh pengkaji dimana mereka menemubual responden untuk melihat perbandingan

adat resam serta budaya suku kaum Minangkabau yang terkini dengan yang termaktub pada zaman dahulu.

Cadangan yang kedua masih lagi memberikan dorongan serta panduan kepada para pengkaji pada masa akan datang iaitu mereka dapat menjalankan penyelidikan menggunakan novel yang sama tetapi mengaplikasikan penggunaan teori yang berbeza seperti Teori Feminisme. Pernyataan ini merupakan sebuah batu loncatan untuk pengkaji akan datang memandangkan kaum wanita berada pada kedudukan yang tinggi berbanding kaum lelaki di dalam novel *Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck*. Berdasarkan novel tersebut, pengkaji mendapati bahawa suku kaum Minang mengamalkan budaya matrilineal iaitu sebuah kepimpinan yang diketuai oleh kaum wanita dan ini adalah salah satu keunikan yang dimiliki oleh masyarakat Minang kerana sesebuah masyarakat biasanya mengamalkan budaya patriarki iaitu kepimpinan yang didominasikan oleh kaum lelaki sahaja dimana kaum wanita hanya bertindak sebagai orang kedua dalam sesebuah organisasi tersebut. Selain mengkaji novel menggunakan teori feminism, pengkaji akan datang juga boleh membincangkan sesebuah penyelidikan yang mengupas konflik-konflik masyarakat yang terdapat di dalam novel. Terdapat pelbagai konflik yang berlaku di dalam novel tersebut yang terdiri daripada konflik kekeluargaan, konflik persahabatan, konflik individu dan sebagainya. Oleh itu, saya turut menyokong sekiranya kajian berkenaan novel *Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck* karya Hamka ini masih giat dilakukan kerana jalan cerita yang tersusun rapi dengan plot-plot yang bersesuaian sangat membantu perisian kajian bagi mereka yang ingin mengkaji novel tersebut.

### 5.3 Penutup

Kesimpulannya, pengaplikasian Teori Sosiologi dalam kajian ini telah membantu pengkaji untuk membincangkan kepelbagaiannya sosiobudaya yang terkandung di dalam novel *Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck* karya Hamka. Novel ini mempunyai nilai estetikanya dan kesempurnaannya tersendiri kerana penulis yang berimaginatif semestinya menghasilkan sebuah karya berdasarkan perasaan atau merupakan sebuah kejadian yang dialami secara langsung atau tidak langsung berdasarkan emosi yang dilalui penulis pada masa itu. Hamka merupakan seorang penulis yang puitis di mana beliau mampu untuk menjadikan salah sebuah insiden tragis yang pernah berlaku di negara Indonesia sebagai idea penulisannya sehingga terciptalah sebuah karya yang indah dengan plot jalan cerita yang menarik. Selain itu, pengkaji juga memperolehi pelbagai ilmu melalui pembacaan novel tersebut. Sebagai contoh, adat resam serta gaya hidup masyarakat suku Minangkabau pada zaman dahulu telah membuka minda pengkaji agar lebih bersemangat untuk menyelesaikan tugasannya. Hal ini demikian kerana pengkaji tidak akan mengetahui adat resam serta budaya suku kaum Minang sekiranya mereka tidak meneroka isi kandungan novel tersebut. Berdasarkan novel ini juga, pengkaji dapat melihat kepada konflik yang menjadi tunjang utama di dalam novel tersebut dimana idea penceritaan jalan cerita yang berlarutan akibat percintaan dua insan yang tidak direstui oleh keluarga oleh kerana status sosial yang berbeza. Jelaslah bahawa Hamka adalah seorang penulis yang hebat apabila beliau mampu memasukkan pelbagai isi penting yang wajar dikaji menggunakan teori yang bersesuaian.

## RUJUKAN

- Abdul Rahman Abdul Aziz (2002). *Pemikiran Etika Hamka*. Kuala Lumpur: Utusan Publications& Distributors Sdn. Bhd.
- Abdullah Siddik. (1980). *Islam dan Ilmu Pengetahuan*. (Cetakan kedua). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Aisah. (2017). "Nilai Religius Pada Novel Kubah Karya Ahmad Tohari Tinjauan Sosiologi Sastra Dan Implementasinya Sebagai Bahan Pembelajaran Sastra Di SMA N 2 Sukoharjo" dalam Skripsi, Fakulti Keguruan Ilmu Pendidik
- Akbar, S., & Winarni, R. (2013). "Kajian Sosisologi Sastra dan Nilai Pendidikan Dalam Novel *Tuan Guru* Karya Salman Faris" dalam *Jurnal Pendidikan Bahasa dan Sastra*, 1(1), 54-68.
- Akmal, M., & Shasrini, T. (2022). "Representasi Nilai Kebudayaan Minangkabau Dalam Film Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck" dalam *Journal of Intercultural Communication and Society*, 1(01), 11–32.
- Amirah Anis Thalib. (2017). "Isu-Isu Identitas Budaya Nasional dalam Film Tenggelamnya Kapal Van der Wijck" dalam *Jurnal SATWIKA: Kajian Ilmu Budaya dan Perubahan Sosial*. Volume 1, Nomor 2 PISSN 2580-8567 EISSN 2580-4431.
- Amir Syariffudin. (1984). *Pelaksanaan Hukum Kewarisan Islam dalam Lingkungan Adat Minangkabau*. Jakarta: Gunung Agung Publisher.
- Andi Muawiyah Ramlie. (2000). *Peta Pemikiran Karl Marx (Materialisme Dialektis dan Materialisme Historis)*. Yogyakarta: Lkis Pelangi Aksara Publisher.
- Anwar Ridhuan. (1976). *Di sekitar Pemikiran Kesusastraan Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Arisandi, H. (2015). *Buku Pintar Pemikiran Tokoh-tokoh Sosiologi dari Klasik Sampai Modern*. Yogyakarta: IRCiSod Publisher.
- Ariani, Iva. (2015). "Nilai Filosofis Budaya Matrilineal di Minangkabau (Relevansinya Bagi Pengembangan Hak-hak Perempuan di Indonesia)" dalam *Jurnal Filsafat*, Vol. 25 (1).
- Baharuddin Zainal. (1998). *Kritikan dan Kesusastraan: Konsep Dan Pendekatan Sastera*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Desmaliza, Bakhtaruddin Nst., Hamidin. (2013). "Karakteristik Perempuan Minangkabau dalam *Kaba Siti Kalasum* Karya Sjamsudin St. Radjo Endah" dalam *Jurnal Pendidikan Bahasa dan Sastra Indonesia*, Vol. 1 No. 2 Maret 2013; Seri A 1-76.

- Elyana, N., et.al. (2017). "Adat Minangkabau Dalam Novel Dan Filem Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck: Analisis Teori Sosiologi (Minangkabau Culture In The Sinking Ship Of Van Der Wijck Novel And Film: Analysis Theory Sosiology)" dalam *Journal of Global Business and Social Entrepreneurship (GBSE)*, 3(8).
- Fauziyyah, N., & Irman, I. (2019). "Nilai-Nilai Yang Terkandung Dalam Film Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck" dalam *Jurnal Riset Keagamaan, Sosial Dan Budaya*, 1(1), 69.
- Caputo, A., Ayoko, et.al. (2019). "The relationship between cultural values, cultural intelligence and negotiation styles" dalam *Journal of Business Research*, 99(February), 23–36.
- Damsar, (2006). *Pengantar Sosiologi Pendidikan*. Jakarta: Prenada Media Group.
- Durkheim, Emile. (2003). *Sejarah Agama* karya Inyiak Ridwan Muzir. Yogyakarta: IRCPSoD Publisher.
- Filem Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck. 2013. Sunil Suraya.
- Guntara, F., et.al. (2016). "Kajian Sosial-Budaya Rambu Solo' Dalam Pembentukan Karakter Peserta Didik" dalam *Jurnal Pendidikan: Teori, Penelitian, Dan Pengembangan*, 1(2), 154–158.
- Hamka (2015). *Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck*. Jakarta: Balai Pustaka.
- Jauding, K., et.al. (2020). "Pengaruh Sosiobudaya Orang Asal Terhadap Tingkah Laku Penjagaan Kesihatan: Satu Tinjauan Literatur" dalam *Journal of Borneo Social Transformation Studies*, 6(1), 103–122.
- Koentjaraningrat. (1979). *Manusia dan Kebudayaan di Indonesia*. Jakarta: Djambatan Publisher.
- Mattulada, H. A. (1974). Bugis-Makassar: Manusia dan kebudayaannya. Fakulti Sastra, Universiti Indonesia: Jurusan Antropologi.
- Muhammad Rusydi Rasyid (2015). "Pendidikan Dalam Perspektif Teori Sosiologi" dalam *Auladuna: Jurnal Pendidikan Dasar Islam*, 2(2), 274–286.
- Ngafifi, Muhammad (2014). "Kemajuan Teknologi dan Pola Hidup Manusia dalam Perspektif Sosial Budaya" dalam *Jurnal Pembangunan Pendidikan: Fondasi dan Aplikasi*. 2(1): 10-14.
- Nidzam Sulaiman (2018). *Pemikiran Sosial*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Othman, I., Awang, H., et.al. (2022). "Pengaruh Sosiobudaya Dalam Kalangan Pelajar Antarabangsa Di Universiti Malaysia Sabah Socioculture Influence Among International Students At Universiti Malaysia Sabah (UMS)" dalam *Journal of Information System and Technology Management*.
- Pratama, D. R., et.al. (2017). "Keunikan Budaya Minangkabau Dalam Novel *Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck* Karya Hamka Dan Strategi Pemasarannya Dalam Konteks Masyarakat Ekonomi Asean" dalam *Jurnal Proceedings Education and Language International Conference*, 1(1).
- Pratama, dkk. (2017). "Keunikan Budaya Minangkabau dalam Novel Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck karya Hamka dan Strategi Pemasarannya dalam Konteks Masyarakat Ekonomi ASEAN" dalam *Proceedings Education and Languange International Conference*. 1(1): 2-3.
- Purwanti, Lia Dwi. (2016). "Nilai-nilai Pendidikan Sosial dalam Novel *Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck* Karya Buya Hamka" dalam Skripsi: Fakulti Tarbiyah dan Ilmu Keguruan IAIN Salatiga.
- Ritzer, George, et.al. (2014). *Sosiologi Ilmu Pengetahuan Berparadigma Ganda*. Jakarta: Kencana Prenada Media Group.
- Septika, H. D., et.al. (2020). "Local Wisdom Folklore for Literary Learning in Elementary School Pendas" dalam *Jurnal Ilmiah Pendidikan Dasar*, 5(1), 13-24.
- Simbolon, D. R., et.al. (2022). "Analisis Nilai-Nilai Religius, Moral, Dan Budaya Pada Novel *Tenggelamnya Kapal Van Der Wijk* Karya Hamka Serta Relevansinya Sebagai Bahan Ajar Sekolah Menengah Atas" dalam *Jurnal Basataka (JBT)*, 5(1), 50–61.
- Sipayung, Margaretha Ervina. (2016). "Konflik Sosial dalam Novel *Maryam* Karya Okky Madasri: Kajian Sosiologi Sastra" dalam *Jurnal Ilmiah Kebudayaan*. 10(1): 1-3.
- Syeikh Abu Bakar Jabir al-Jazairi (1994). "Seruan Pembebasan Sejagat. Abdullah al-Qari b. Haji Salleh". Kuala Lumpur: Dinie Publisher.
- Syukur, Muhammad (2018) *Dasar-Dasar Teori Sosiologi*. Kota Depok: PT Rajagrafindo Persada.

## RUJUKAN INTERNET

Kontradiksi Sosial Budaya Dalam Novel Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck Karya Hamka Kajian: Sosiologi Sastra. (n.d.). (akses: 9 Februari 2022)